

KERANA WASIAT

dan
lain2 cerita

RUBAIDIN SIWAR
CHAMBURI SIWAR



KERANA WASIAT



RUBAIDIN SIWAR
dan
CHAMBURI SIWAR

楊 夷 藏 書
Buku Simpanan Yang Yee



SAUDARA SINARAN BERHAD

楊 夷 珍 寶
Koleksi Yang Ouan Yee

Di-terbitkan oleh SAUDARA SINARAN BERHAD,
389, Chulia Street, Pulau Pinang.

(HAK CHIPTA DAN PENERBIT TERPELIHARA)

Cetakan pertama — 1967

Lukisan kulit dan dalam
ALIAS KULUB

\$1.40

Di-chetak dan di-jilid oleh Saudara Sinaran
Berhad/vR—I—Bil 592/SSB 1364

K A N D O N G A N

RUBAIDIN SIWAR

Kerana Wasiat

Ah Leng

Mimpi Sa-orang Jaga

Sesal Yang Ta' Berkesudahan

Hantu Tudong Saji

Sarang Tabuan Jangan Di-jolok

CHAMBURI SIWAR

Hari Depan Yang Samar₂

Penyesalan

Balasan

Dua Puloh Ringgit Pun Jadi-lah

KERANA WASIAT



Pagi Ahad. Murid₂ berhimpun di-padang kerana mendengar ucapan Guru Besar. Mereka mera'ikan kejayaan Hassan yang telah menyanggah gelaran johan sharahan bagi Jajahan Batang Padang, dalam peraduan menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan.

Guru Besar memanggil Hassan ka-hadapan perhimpunan. Kemudian, Hassan pun di-berikan pujian: "Kita elok-lah mengambil chontoh seperti Hassan yang berdiri di-hadapan kamu ini. Kita hendaklah chuba dengan sa-berapa daya untok menaikkan nama sekolah kita ini..."

Belum pun selesai Guru Besar itu berchakap kerana memberi pujian kepada Hassan, tiba₂ Hassan telah rebah. Guru dan murid₂ hairan melihat kejadian itu.

Guru Hassan tampil ka-hadapan dan mengangkat Hassan ka-dalam bilek Guru Besar.

Sa-telah selesai perhimpunan dan semua murid telah masok ka-dalam bilek darjah masing₂, Guru Besar dan guru Hassan menanya Hassan tentang keadaan-nya di-rumah.

Baharu-lah mereka tahu, Hassan tinggal dengan ibu tiri-nya. Di-rumah, Hassan tidak mendapat kaseh sayang yang sa-patut-nya. Ibu tiri-nya selalu memarahi dan memukul Hassan. Pakaian dan makanan Hassan pun tidak di-uruskan.

Guru Besar dan guru darjah Hassan mengge-
leng₂ apabila mendengar cherita Hassan.

“Dan pagi tadi,” sambong Hassan lagi, “saya datang ka-sekolah dengan tidak makan apa₂ pun.”

“Apa-kah ayah kamu pun tidak ambil tahu tentang diri kamu?” tanya Che’gu Karim, guru Hassan.

“Ayah saya pun tidak perdulikan saya. Ayah ikut telunjok ibu tiri saya sahaja.”

Sa-telah mendengar cherita Hassan itu, Guru Besar dan Che’gu Karim pun berasa amat belas kasehan.

Di-dalam bilek darjah, Hassan ada-lah sa-orang murid yang chergas dan cherdas. Dia berchita₂ tinggi.

Tetapi chita₂ tinggi itu tidak di-ketahui sedikit pun oleh ayah-nya atau ibu tiri-nya. Sa-balek-nya, mereka tidak ambil peduli langsung tentang pelajaran Hassan di-sekolah.

Sekarang, Guru Besar dan Che' gu Karim ba-haru-lah sedar tentang keadaan Hassan yang sa-benar-nya.

Che' gu Karim telah menchadangkan kepada Guru Besar supaya Hassan dan beberapa orang mu-rid₂ lain yang sa-nasib dengan Hassan di-beri ban-tuan. Bantuan itu boleh-lah di-keluarkan daripada wang kebajikan am sekolah.

Guru Besar bersetuju dengan chadangan itu.

Mulai dari hari itu Hassan pun mendapat ban-tuan dari sekolah-nya. Bantuan itu berupa makanan dan buku₂ pelajaran, hingga-lah ia tammat sekolah rendah.

Hassan telah tammat sekolah rendah. Ibu tiri-nya mendesak ayah Hassan supaya Hassan di-ber-hentikan sahaja. Nanti boleh-lah Hassan menolong kerja, ayah-nya di-sawah.

Bila mendengar berita Hassan hendak di-ber-hentikan, Che' gu Karim dengan segera pergi ber-jumpa dengan ayah Hassan.

Kata Che' gu Karim: "Hassan mempunyai ke-bolehan dalam pelajaran-nya. Dia berchita₂ tinggi. Elok-lah ia di-benarkan meneruskan pelajaran ka-sekolah menengah hingga ka-sekolah tinggi."

“Tapi, kami tidak mampu mengadakan perbelanjaan-nya, che’gu,” jawab ayah Hassan. “Dan kami perlukan Hassan untok bekerja di-sawah.”

“Tentang perbelanjaan-nya, jikalau pa’ chik ta mampu, jangan-lah pa’ chik khuatir. Akan kami usahakan supaya Hassan di-beri bantuan oleh kerajaan. Apa-lah yang pa’ chik harapkan sangat daripada sa-orang budak yang maseh kechil lagi saperti Hassan ini? Dia belum pandai bekerja. Dia perlu menambahkan pelajaran-nya lagi. Bila besar nanti, Hassan-lah yang akan membela nasib pa’ chik.”

“Sa-lama ini, saya tidak tahu tentang kemajuan pelajaran Hassan di-sekolah. Saya tidak pernah mengetahui yang Hassan mempunyai chita₂ tinggi. Hassan pun tidak pernah memberitahu pa’ chik. Yang selalu kami fikirkan ia-lah untok menchari makan sa-hari₂ supaya dapat menyambong hidup kami. Dan ibu tiri-nya tidak memberi muka langsung kepada Hassan. Tetapi jikalau che’ gu fikirkan yang Hassan harus meneruskan pelajaran-nya, pa’ chik pun bersetuju. Tetapi pa’ chik merasa dukachita kerana tidak mampu mengadakan perbelanjaan-nya.”

“Akan kami usahakan supaya Hassan mendapat biasiswa kerajaan.”

Dalam pepereksaan untok masok ka-sekolah menengah, Hassan telah terpilih. Dia di-hantar untok meneruskan pelajaran di-Sekolah Dato’ Abdul Razak, Tanjong Malim. Dia terlalu miskin, tetapi kerana pe-

lajaran-nya baik, dia telah di-beri Biasiswa Persekutuan oleh Kerajaan.

Sa-lama dia di-Sekolah Dato' Abdul Razak, dia belajar bersungguh₂, hingga-lah dia selesai menduduki Peperiksaan Sijil Persekolahan. Bila lulus dalam peperiksaan itu kelak, tujuan-nya hanya satu: dia berchita₂ untok menyambungkan pelajaran ka-sekolah tinggi, sa-terus-nya ka-universiti. Kelak dia akan dapat berjasa kapada keluarga-nya yang miskin itu, kapada bangsa dan negara-nya.

Sa-telah tammam peperiksaan, Hassan pun pulang-lah ka-kampong.

Bila sampai di-rumah, Hassan amat terkejut bila di-dapati ayah-nya sakit kuat. Rupa-nya sangat puchat. Tulang-nya jelas membayang. Tenaga-nya pun terlalu lemah. Ia baring sahaja di-tempat tidor.

"Apa yang telah terjadi pada ayah?" tanya Hassan.

"Ayah sakit. Ayah sakit kerana terlalu terok bekerja di-sawah."

"Kenapa tidak berjumpa dengan doktor?"

"Belanja-nya tidak ada, Hassan. Sa-lama ini, Che'gu Karim yang baik hati itu-lah yang menolong kami di-rumah. Kalau tidak, tentu-lah kami kebuloran."

"Sudah berapa lama ayah sakit bagini?"

"Sudah lebeh satu bulan."

"Sudah lebeh satu bulan? Dan saya tidak sedikit pun di-beritahu?"

“Ayah sengaja tidak mahu kau tahu, Hassan. Kalau kau tahu keadaan ayah bagini, tentu-lah pelajaran kau akan terganggu. Lagi pula, kau sedang menghadapi peperiksaan pada masa itu. Ayah tidak mahu chita₂ kau yang tinggi itu kandas, sa-mata₂ kerana ayah.”

Bagitu besar sa-kali pengorbanan dan harapan ayah Hassan terhadap anak-nya itu. Hassan sa-orang sahaja-lah yang di-harap₂kan-nya untok memperbaiki kemelaratan yang sedang di-hadapi-nya.

Dalam masa perchutian itu, di-samping menjaga ayah-nya, Hassan tiap₂ hari bekerja keras di-sawah; ibu tiri-nya dudok di-rumah, melayan ayah-nya yang sedang sakit itu.

Keputusan yang di-tunggu₂ oleh Hassan telah tiba. Ia mendapat pangkat pertama ! Bagitu gembira hati Hassan. Tetapi, gembira itu bertukar menjadi sedeh apabila memikirkan keadaan ayah-nya yang sedang sakit kuat itu.

Apabila Hassan memberitahu ayah-nya akan kejayaan-nya itu, bibir ayah-nya yang puchat itu melukiskan satu senyuman riang. Dia menepok₂ bahu Hassan sambil berkata:

“Ayah sangat gembira kerana kau berjaya. Ayah tidak mengharap₂kan apa₂ balasan.”

“Tentu-lah saya akan membalas jasa ayah itu terhadap saya.”

“Ayah rasakan, ayah tidak akan lama lagi

tinggal dalam dunia ini. Terasa sangat yang ayah akan pergi segera. Ayah sudah terlalu udzor, Hassan.”

“Ayah tidak akan pergi sekarang.”

“Kita tidak dapat melawan kehendak Tuhan, Hassan.”

Pada masa itu ibu tiri Hassan dan Che' gu Karim ada di-situ. Si-ibu tiri meraung₂ apabila mendengar kata₂ suami-nya itu.

“Tapi,” sambong ayah Hassan lagi, “kau jaga-lah ibu kau baik₂. Ibu kau ini tidak mempunyai saudara-mara. Bila ayah telah meninggal, ka-mana lagi dia hendak pergi kalau tidak bergantung kepada kau? Ini-lah wasiat ayah, Hassan.”

Sa-telah agak lama tidak berkata apa₂, ayah Hassan menyambong lagi: “Berjanji-lah yang kau akan tunaikan wasiat ayah ini, Hassan.”

“Saya...saya...berjanji, ayah,” jawab Hassan dengan teragak₂.

Dengan kehendak Tuhan, pada malam itu, ayah Hassan pun kembali-lah menghadap Tuhan ka-Rahmatullah...

Tinggal-lah Hassan dan ibu tiri-nya di-rumah itu.

Hassan sekarang sudah besar. Dia ingat kembali masa dia kechil, bagaimana dia di-seksa oleh ibu tiri-nya. Dan sekarang ibu tiri Hassan terpaksa bergantung kepada Hassan pula. Timbul-lah rasa dendam di-dalam hati-nya. Fikir-nya: “Sekarang ayah

sudah tiada lagi. Aku ta' mahu membela dia sekarang. Ta' guna aku mendukung biawak hidup”.

Sa-masa Hassan hendak pergi melanjutkan pelajaran-nya dia telah pergi berjumpa dengan Che' gu Karim yang telah banyak memberi nasihat dan pertolongan kepada-nya.

“Chita₂ kamu untuk melanjutkan pelajaran itu ada-lah baik. Tetapi, ingat-kah kau kepada ibu kau yang telah tua itu ? Kau sanggup meninggalkan dia ? Kepada siapa lagi dia na' minta bantuan ?”

“Dia bukan ibu kandong saya, ibu tiri sahaja,” jawab Hassan. “Saya maseh ingat bagaimana dia menyeksa saya masa saya maseh kechil dahulu. Sekarang, biar dia terima balasan.”

“Hassan, kita hidup dalam dunia ini biar-lah ikut rasmi padi, makin berisi makin chondong. Jangan buat rasmi jagong, makin berisi makin tegak. Chita₂ kamu untuk melanjutkan pelajaran itu adalah amat baik. Tetapi engkau menaruh dendam terhadap ibu tiri-mu. Engkau harus-lah berperikemanusiaan. Lebih baik, kau chari satu pekerjaan yang sesuai bagi diri-mu dan kau bela-lah ibu-mu itu baik₂. Sifatkan-lah ibu tiri-mu itu sa-bagai ibu kandong-mu sendiri. Lagi pun, bukan-kah ayah-mu telah berwasiat supaya kau menjaga ibu-mu itu baik?...”

Hassan berfikir panjang sa-telah mendengar nasihat Che' gu Karim itu. Dia sedar sekarang yang hidup di-dunia ini harus-lah berperikemanusiaan. Harus hidup dengan mengikut rasmi padi.

AH LENG



Ah Leng tinggal bersama₂ dengan ibu dan sa-orang adek perempuan-nya berumur kira₂ delapan tahun, di-pekan Meru, dalam Jajahan Klang. Mereka hidup dalam kesengsaraan yang amat sangat.

Aruah ayah Ah Leng, sa-orang taukeh kedai yang kaya di-Meru. Tetapi dia sangat kuat berjudi. Dalam perjudian itu, dia sering kalah terok. Lama kelamaan, sa-makin susut-lah barang₂ jualan dalam kedai-nya dan dia telah mulai berhutang ka-sana ka-mari pula, hingga-lah hutang-nya sa-keliling pinggang.

Dia sa-makin kuat berjudi dengan tujuan da-harapan supaya dapat memenohkan kembali kedai nya dengan barang₂ jualan, dan supaya dia dapat menyelesaikan hutang₂-nya itu. Tetapi harapan itu sia-sia belaka. Berjudi telah membawa ia ka-jurang yang lebeh dalam lagi. Barang₂ jualan dalam kedai nya bertambah₂ susut dan hutang nya bertambah₂ banyak pula.

Oleh kerana tidak tahan lagi menanggung penderitaan itu, dia lebeh suka mati daripada hidup. Dan, pada suatu malam, dengan tidak di-ketahui oleh sa-siapa pun, dia telah terjun daripada atas Jambatan Kota ka-dalam Sungai Klang.

Pada keesokan hari nya, mayat nya telah di-jumpai orang terapong₂ di-bawa arus sungai. Kemu-dian, orang ramai pun tahu-lah, dia mati kerana membunuh diri.

Pada masa itu Ah Leng baru berumor kira₂ enam tahun; adek Ah Leng baru satu tahun.

Untuk membayar hutang ayah Ah Leng, ibu nya terpaksa menjual kesemua barang₂ kedai, per-kakas₂ rumah dan barang₂ kemas nya sendiri. Walau puñ bagitu, hutang itu maseh juga banyak yang be-lum dapat di-selesaikan nya.

Sekarang mereka anak-beranak terpaksa hidup dalam kemiskinan. Ibu Ah Leng mengambil upah membasoh pakaian orang. Ah Leng mula₂ dapat pe-luang bersekolah, tetapi dia terpaksa di-berhentikan kerana ibu nya tidak lagi mampu mengadakan ke-

perluan₂ bagi sekolah Ah Leng. Untuk membeli keperluan sa-hari₂ pun sangat susah, apa lagi untuk belanja Ah Leng bersekolah. Jika Ah Leng tidak bersekolah, bukan sahaja dia akan mengurangkan perbelanjaan ibu-nya, tetapi akan dapat menolong ibu-nya menchari nafkah.

Ah Leng merasakan benar₂ penderitaan yang di alami oleh ibu-nya itu. Dia kasehan melihatkan ibu-nya bekerja keras tiap₂ hari untuk mendapat wang bagi perbelanjaan mereka. Timbul pula kesedaran Ah Leng tentang tanggung-jawab, terhadap ibu-nya.

Tiap₂ hari, apabila mendapat wang, terus diberikan-nya kepada ibu-nya. Tetapi ibu-nya tidak tahu langsung dari mana Ah Leng mendapat wang itu.

Adek perempuan Ah Leng yang berumur lapan tahun itu pula menolong ibu-nya dengan chara mengambil upah membasoh pakaian.

Pada suatu hari, satu kegemparan telah berlaku. Sa-orang budak laki₂ kelihatan sedang di-buru oleh beberapa orang kerana menyelok saku. Akhirnya dia telah dapat di-tangkap. Kemudian, di-serahkan kepada polis. Pehak polis pun menyiasat siapa budak itu, dan siapa ibu bapa-nya.

Ibu-nya sangat terkejut apabila mengetahui Ah Leng telah di-tangkap oleh polis kerana menyelok saku orang.

“Tolong-lah jangan hukum anak saya kali ini,

enche’,” rayu ibu Ah Leng. “Sa-benar-nya saya tidak tahu yang anak saya membuat pekerjaan ini.”

“Ada-kah anak che’ tidak bersekolah?” tanya polis itu.

“Tidak, enche’, kerana saya tidak mampu mengadakan perbelanjaan-nya. Untok membeli makanan dan pakaian pun sangat susah.”

Kemudian di-cheritakan-nya-lah peri bagaimana suami-nya telah kalah judi, berniaga nakhoda kasap, banyak hutang dan akhir-nya membunuh diri.

“Mula₂ saya sekolahkan Ah Leng,” sambong ibu Ah Leng lagi dengan perasaan sedih, “tetapi saya terpaksa berhentikan dia.”

“Apa Ah Leng buat sa-telah berhenti sekolah?”

“Dia-lah yang menolong saya menchari makan. Tiap₂ hari dia serahkan pendapatan-nya kepada saya, tetapi saya ta’ tahu dari mana dia dapat wang itu.”

Kasehan juga polis itu mendengar cerita ibu Ah Leng.

“Tetapi,” kata polis itu, “Ah Leng terpaksa di-bawa ka-Sekolah Budak₂ Jahat di-Kuala Lumpur.”

Ibu Ah Leng terus menangis apabila mendengar Ah Leng akan di-bawa ka-Sekolah Budak₂ Jahat di-Kuala Lumpur itu.

“Jangan-lah che’ susah,” polis itu memujuk. “Ah Leng di-bawa ka-sana supaya kelakuan-nya dan hidup-nya di-masa hadapan akan dapat di-perbaiki. Lepas itu dia akan di-hantar pulang.”

Ah Leng pun di-hantar ka-Sekolah Budak₂ Jahat di-Kuala Lumpur.

Di-sana ia di-beri didekan budi pekerti. Asohan budi pekerti yang baik ini ia-lah untok mengikis tabi'at₂ yang burok dan untok membina kelakuan yang baik. Sa-lain daripada asohan budi pekerti itu, mereka di-ajarkan juga beberapa kemahiran, saperti bertukang kayu, bertukang besi dan lain₂ lagi.

Mereka₂ yang lekas menerima asohan dan terus menjadi baik dalam sekolah itu akan lekas pula di-hantar pulang. Kebanyakan mereka yang lekas baik ini ia-lah budak₂ yang menjadi jahat kerana desakan keadaan, saperti Ah Leng itu. Kejahatan mereka mungkin di-sebabkan oleh kemiskinan atau di-pe-ngaruhi oleh keadaan burok sa-keliling. Mereka yang lambat atau tidak menerima langsung asohan₂ supaya menjadi baik itu pula ia-lah daripada budak₂ yang jahat kerana perangai yang sa-mula jadi. Mengasoh mereka untok jadi baik sama-lah saperti chuba meluruskan ekor anjing.

Ah Leng lekas menerima asohan di-sekolah itu.

Hal Ah Leng itu sangat di-ambil berat oleh guru darjah-nya. Guru Ah Leng bukan sahaja memerhati tentang tengkah laku dan tata-tertib-nya pada waktu₂ belajar, tetapi juga waktu₂ bermain, waktu₂ bergaul dengan kawan₂ dan pada waktu₂ lain pun. Ah Leng tidak saperti kebanyakan kawan₂-nya yang chepat marah, tidak tahan bergurau

dan bersifat kasar. Dia ingin menjadi baik supaya lekas di-hantar pulang. Dia selalu rindu pada ibu dan adek-nya di-rumah. Sa-telah ia di-bebaskan nanti, ia akan hidup dengan chara yang baik. Ia tidak mahu berbuat jahat lagi.

Pada suatu hari, waktu mereka semua sedang makan, terjadi-lah perkelahian antara dua orang budak yang terkenal sangat kerana jahat-nya. Mereka ia-lah Atimutu dan Lim Li Go. Mula₂ Lim mengambil lauk Atimutu kerana lauk-nya sendiri sudah habis di-makan-nya. Atimutu merampas kembali lauk-nya. Lim menchurahkan nasi-nya ka-atas kepala Atimutu. Atimutu naik radang. Di-ambil-nya sa-genggam nasi yang berkuah, lalu di-gonyoh₂-nya ka-muka Lim. Masing₂ tidak mahu beralah. Kedua₂ mereka sama₂ berkeras kepala. Mereka pun mullah bertumbok. Apa lagi ! Perkelahian itu bertambah₂ hebat kerana mereka di-galakkan oleh kawan₂-nya yang lain: "Ha, tumbok, Mutu; tumbok, Lim."

Oleh kerana tiada sa-orang pun yang berani meleraikan mereka, Ah Leng pun tampil untok memisahkan mereka supaya berhenti bertumbok. Akhirnya Ah Leng berjaya memisahkan mereka walau pun muka-nya telah lebam kerana menerima tumbokan Lim.

Ah Leng, Atimutu dan Lim Li Go di-bawa ka-hadapan Guru Besar. Atimutu di-sebat dengan rotan sa-banyak lima kali; Lim sa-banyak tujuh kali. Ah Leng pula telah di-beri pujian kerana berjaya mele-

raikan mereka.

Semua kemajuan₂ Ah Leng di-dalam sekolah itu di-chatetkan ka-dalam buku rekod Guru Besar.

Pada suatu hari, Ah Leng telah menjumpai sebuah dompet dalam kawasan sekolah itu. Apabila di-buka, di-dapati dompet itu penuh berisi dengan wang dan lain₂ surat urusan. "Wah, siapa-kah yang akan melepaskan peluang ini?" fikir Ah Leng di-dalam hati-nya

Dengan tidak berfikir panjang lagi, di-masokkannya dompet itu ka-dalam saku. Dia pulang ka-asrama, lalu di-simpan-nya dompet itu di-dalam almari.

Pada malam-nya, apabila kawan₂-nya semua telah lelap, di-kira-nya wang dalam dompet itu. Ada \$150.00 semua-nya. "Wah, bukan-nya sedikit wang ini," fikir Ah Leng. "Banyak yang boleh di-beli dengan wang ini. Akan aku kirimkan kepada emak sa-banyak \$100.00. Tentu-lah emak-ku gembira menerima wang yang sa-banyak itu. Dia selalu bekerja keras, tetapi pendapatan-nya terlalu sedikit."

Ah Leng hampir menitiskan ayer mata mengenangkan nasib ibu-nya yang malang itu.

Kemudian timbul ranchangan₂ lain di-dalam fikiran Ah Leng. "Wang \$50.00 yang sa-lebeh-nya itu, akan aku gunakan pula untuk membeli keperluan₂-ku sendiri. Aku perlukan pakaian chantek, aku perlu menghiborkan hati...dan..."

Tiba₂ Ah Leng sedar kembali. Ia ingat, dulu ia berjanji tidak akan berbuat jahat lagi, sa-balek-nya

dia akan selalu berbuat baik supaya dapat lekas di-
hantar pulang.

Lama Ah Leng berfikir untok mengambil kepu-
tusan. Sa-telah puas berfikir, dia mengambil satu ke-
putusan: "Aku mesti pulangkan wang itu - dompet
dan segala₂ yang ada di-dalam-nya. Aku mesti pu-
langkan walau pun aku dan emak-ku sangat₂ memer-
lukan wang. Dan aku telah berjanji tidak akan buat
jahat lagi. Aku akan menepati janji itu!"

Pada keesokan hari-nya Ah Leng pun menye-
rahkan dompet yang di-jumpai-nya itu kepada guru-
nya. Guru itu menyerahkan-nya pula kepada Guru
Besar-nya serta menerangkan siapa yang telah men-
jumpai-nya.

Sa-telah di-siasat, di-dapati dompet itu ia-lah
kepunyaan kerani besar sekolah itu. Sa-telah mene-
rima kembali dompet itu dan mendapati tiada apa₂
pun yang hilang, kerani itu menguchapkan terima-
kãseh kepada Ah Leng dan memberinya \$5.00

Bagi Guru Besar dan pegawai₂ sekolah itu, ke-
jujoran Ah Leng itu sangat-lah besar ma'ana-nya.
Mereka dengan sa-bulat suara bersetuju untok me-
lantek Ah Leng menjadi ketua murid.

Sa-telah dia di-lantek menjadi ketua murid, Ah
Leng sa-makin sedarkan tanggung-jawab-nya sa-
bagai sa-orang ketua.

Guru Besar-nya sangat terharu apabila Ah
Leng mencheritakan tentang penderitaan ibu-nya di-
rumah, dan Ah Leng berharap₂ sangat untok lekas

pulang supaya lekas pula dapat menolong Ibu-nya. Guru Besar-nya berjanji akan menolong memenuhi permintaan Ah Leng itu.

Kapada ibu Ah Leng, beliau menulis: "Anak puan di-sini sangat maju di-dalam segala lapangan; dia telah menjadi sa-orang yang baik dan bertanggung-jawab; dan saya perchaya, dia akan berjaya dalam menempoh hidup-nya kelak.

Saya harap, saya akan dapat menghantar Ah Leng pulang dengan segera."

Ah Leng berada di-dalam Sekolah Budak₂ Jahat sa-lama dua tahun sahaja. Nasib-nya tidak saperti nasib Lim Li Go dan Atimutu yang, hingga sekarang, terkurong di-dalam sekolah itu sa-lama lima tahun.

Sa-telah Ah Leng kembali kapada ibu dan adek-nya, tujuan-nya yang pertama ia-lah untok menolong keluarga-nya. Dia akan berusaha juga supaya dapat menyelesaikan segala hutang-piutang ayah-nya itu.

Dengan meminjam sedikit wang, dia telah menjadikan kedai ayah-nya yang telah kosong itu sa-bagai kedai pertukangan kayu. Dalam lapangan itu-lah Ah Leng melateh kemahiran yang di-perolehi-nya sa-masa di-Sekolah Budak₂ Jahat dahulu.

Ah Leng bekerja bersungguh₂ dalam perusahaan itu. Dia membuat peralatan₂ rumah saperti meja, almari, kerusi dan katil. Walau pun umor-nya agak maseh muda, tetapi dia dapat menunjukkan kepintaran-nya dalam lapangan itu.

Lama kelamaan perusahaan-nya itu bertambah, besar dan maju, hingga-lah sedikit demi sedikit dia telah dapat menyelesaikan semua hutang ayah-nya itu.

MIMPI SA-ORANG JAGA



Sa-orang jaga bernama Godam Singh. Dia bekerja di-rumah sa-orang hartawan di-sabuah pekan kecil. Tugas-nya ia-lah menjaga rumah tuannya pada waktu malam kalau₂ ada penchuri datang hendak menchuri wang dari rumah itu.

Biasa-nya, orang₂ kaya memang ada menggaji jaga. Bagitu juga kedai₂ besar, pejabat₂ yang berhubungan dengan kewangan dan bank₂, semua-nya memakai jaga. Mereka takut kalau₂ harta-benda mereka akan di-rompakkan atau di-churi berma'ana mereka akan rugi besar.

Jaga₂ ini biasa-nya daripada orang₂ bangsa Sikh. Badan mereka besar dan tegap. Mereka sangat gagah. Mereka di-beri sa-sut khaki dan sa-puchok senapang.

Tuan Godam Singh itu bernama Zain. Ia bekerja sa-bagai pengurus Ladang Getah Harpendan. Ladang getah itu ia-lah kepunyaan-nya sendiri. Dalam pekan kechil itu, dia-lah yang paling kaya. Ladang getah-nya luas. Rumah dan kereta-nya besar. Wang-nya banyak.

Sudah dua kali rumah Tuan Zain di-datangi oleh penchuri, tetapi oleh kerana kebijaksanaan Godam Singh, penchuri₂ itu tidak berjaya menchuri apa₂. Jasa baik Godam Singh menyelamatkan barang₂ dan wang tuan-nya itu telah menyebabkan ia benar₂ di-perchayai oleh Tuan Zain. Sejak itu gaji-nya telah di-naikkan.

Pada suatu ketika Tuan Zain sa-keluarga hendak pergi ka-Singapura kerana urusan perniagaan getah dan kerana melihat₂ saudara-mara-nya di-sana. Mereka hendak pergi dengan menaiki keretapi dari Klang. Mereka hendak pergi dengan keretapi mil malam.

Pada malam tuan-nya akan bertolak ka-Singapura itu, Godam Singh telah terlalai daripada tugas-nya. Ia telah tertidor. Mimpi-nya sangat dahshat.

Rasa-nya ia melihat tuan-nya sa-keluarga menaiki keretapi menuju ka-Singapura. Keretapi itu

mulai bergerak dan lama kelamaan melunchor dengan laju-nya. Tidak berapa lama kemudian satu kejadian yang amat dahshat telah berlaku. Keretapi itu telah berlanggar dengan sa-buah keretapi lain. Bunyi-nya amat kuat dan mengerikan. Kedua₂ buah keretapi itu telah terkeluar dari landasan masing₂ lalu terbalek. Penumpang₂ yang mendapat kema-langan itu berpekek₂ dan menjerit₂. Mereka mahu melepaskan diri dan minta di-lepaskan dari gerabak₂ yang telah terbalek itu.

Kemudian terdengar pula oleh Godam Singh suara tuan-nya melolong₂ meminta tolong. Godam kenal benar dengan suara itu. Ya, itu-lah suara tuan-nya.

Ia mesti tolong tuan-nya yang sedang di-dalam bahaya itu. Ia mesti menolong-nya !

Godam Singh pun mulai-lah menchari₂ di-mana tuan-nya itu. Dia menuju ka-arrah datang-nya suara itu. Sa-telah sampai lalu ia pun masok-lah ka-dalam gerabak yang telah terbalek itu; suara meminta tolong itu sa-makin jelas kedengaran.

Sa-telah masok, di-dapati-nya tuan-nya tidak dapat keluar kerana kaki-nya tersepit antara kayu dan besi₂ yang telah terkopak. Tidak jauh dari situ kelihatan pula isteri-nya terlantar, tidak sedarkan diri lagi. Tanda₂ luka dan darah terdapat pada badan-nya.

Apabila Tuan Zain melihat Godam Singh datang ia pun terus berkata dengan suara yang keras:

“Lekas, tolong aku, Godam. Aku ta' dapat keluar. Adoh, sakit-nya. Lekas ! Lekas !”

Godam Singh pun mulai chuba membongkar kayu dan besi₂ yang menyepit kaki tuan-nya itu, tetapi di-dapati-nya kayu₂ dan besi₂ itu amat payah untok di-bongkar. Ia menjadi bingung, ta' tahu apa yang hendak di-buat.

“Bagaimana tuan, kayu dan besi₂ ini ta' boleh di-angkat,” kata Godam Singh.

“Engkau bodoh ! Ta' guna. Badan engkau saja yang besar, tapi otak ta' ada !”

“Tetapi tuan...”

“Tapi apa lagi ? Ha, pergi angkat dulu isteri aku yang sedang pengsan itu keluar.”

Godam Singh mematohi surohan tuan-nya. Isteri tuan-nya itu di-tatang lalu di-bawa-nya keluar, di-letakkan-nya di-suatu tempat yang selamat.

Sa-telah itu ia kembali pula untok menyelamatkan tuan-nya. Kali ini di-habiskan tenaga-nya untok mengangkat kayu₂ dan besi₂ yang menyepit kaki tuan-nya itu. Lama kelamaan dapat-lah tuan-nya itu di-selamatkan dan di-bawa keluar.

Dalam mimpi-nya itu Godam Singh telah dapat menyelamatkan nyawa tuan-nya dan isteri tuan-nya.

Pagi₂ lagi Godam Singh telah mencheritakan mimpi-nya itu kepada Tuan Zain. Segala₂ yang terjadi dalam mimpi itu telah di-cheritakan-nya. Sadi- kit pun tidak di-tinggal-nya. Malah, makin di-pan- jang₂kan dan di-besar₂kan lagi.

“Dahshat mimpi kamu itu,” kata Tuan Zain.
“Sungguh dahshat !”

“Benar, tuan. Sungguh dahshat kejadian itu,”
kata Godam Singh pula.

“Bila-kah mimpi kamu ?” tanya Tuan Zain.

“Malam tadi, tuan,” jawab Godam Singh.

“Banyak sangat-kah kamu makan semalam ?”

“Tidak, tuan.”

“Kamu telah minum tadi terlalu banyak !”

“Tidak, tuan.”

“Hmmm, baik-lah...”

“Jadi, ada-kah tuan akan pergi juga malam ini ? Saya harap tidak, tuan. Saya fikir, tentu kejadian itu akan betul₂ berlaku pada malam ini.”

“Baik-lah,” kata Tuan Zain, sa-telah berfikir sa-bentar, “saya tidak jadi pergi malam ini. Akan saya tanggohkan. Mungkin besok atau lusa baru saya berangkat ka-Singapura.”

Sa-telah Godam Singh mencheritakan mimpi itu kapada tuan-nya dan sa-telah berjaya memujuk tuan-nya supaya jangan pergi pada malam itu, ia pun pulang-lah. Di-rumah-nya, di-cheritakan-nya pula mimpi itu kapada isteri-nya.

Isteri Tuan Zain bertanya kapada suami-nya sebab apa mereka tidak jadi pergi ka-Singapura pada malam itu. Di-cheritakan-lah oleh Tuan Zain kapada isteri-nya tentang mimpi jaga-nya.

“Jadi, abang perchaya sangat pada mimpi itu ?”

tanya isteri-nya.

“Perchaya sangat tu, tidak-lah,” jawab Tuan Zain.

“Jadi, kalau ta’ perchaya, sebab apa kita ta’ pergi malam ini?” tanya isteri-nya lagi, sambil marah₂.

“Abang hanya ta’ mahu mengechilkan hati jaga kita itu. Telah berkali₂ ia menyelamatkan harta kita. Abang sekarang sangat menghormati dia; dan abang sangat perchaya pada dia, walau pun bukan kerana mimpi-nya itu.”

“Abang beri muka pada dia! Nanti kepala kita pula di-pijak-nya.”

“Sudah-lah. Kita akan pergi malam besok.”

Pada keesokan pagi-nya, sambil menghadapi sarapan bersama₂ dengan isteri-nya, Tuan Zain menatap akhbar. Muka-nya puchat dengan tiba₂. Dadanya berdebar₂. Mata-nya tertumpu kepada tajok perkhabaran di-muka hadapan yang di-tulis dengan huruf₂ kasar: DUA BUAH KERETAPI TERBALEK AKIBAT PERLANGGARAN. Kemudian ia terus membaca dengan perasaan ingin tahu akan berita sa-lanjut-nya.

“Keretapi mil yang sedang dalam perjalanan membawa penumpang₂ dari Kuala Lumpur ka-Singapura telah melanggar dengan sa-buah keretapi pembawa barang₂ dari Singapura pada malam tadi. Kedua₂ buah keretapi itu telah terbalek.

Kejadian itu berlaku kira-kira lima batu dari perhentian keretapi Kuala Lumpur, pada pukul sepuluh malam tadi.

Antara 150 orang penumpang yang di-bawa itu, 15 orang telah mati, 75 orang luka parah, dan yang lain-lainnya mendapat luka-ringan..."

Belum pun sempat Tuan Zain habis membaca berita itu isteri-nya telah bertanya, kerana di-lihat-nya dengan tiba-tiba sahaja muka suami-nya berubah menjadi puchat.

"Ada berita apa, bang?" tanya isteri-nya itu.

Tuan Zain menarek nafas panjang, kemudian di-lepaskan-nya nafas itu seperti orang di-dalam ke-
lelahan. Dia tersangat chemas.

"Hai, nasib baik, kita," jawab Tuan Zain.

"Nasib baik bagaimana?" tanya isteri-nya.

"Nasib baik kita ta' jadi pergi semalam."

"Apa sebab-nya, bang? Ada apa-kejadian?"

Isteri Tuan Zain datang ka-sisi suami-nya.

"Chuba bacha," kata Tuan Zain.

Isteri Tuan Zain membaca berita itu. Sa-telah habis di-bacha-nya ia pun berkata: "Ya ya, bang nasib baik kita ta' pergi semalam. Kalau jadi pergi tentu-lah kita akan terlibat dalam kemalangan itu."

Tuan Zain lantas melipat dan meletakkan akhbar itu di-atas meja dan hendak pergi. Apabila di-tanya oleh isteri-nya Tuan Zain menjawab: "Saya hendak pergi ka-rumah Godam Singh. Rasa-nya saya terhutang nyawa kapada-nya."

Sa-telah berjumpa dengan Godam Singh, Tuan Zain pun berkata: "Benar-lah saperti dalam mimpi kamu itu. Kami sangat terhutang budi pada kamu. Kalau tidak, entahkan mati kami atau entahkan mendapat kemalangan yang terok. Saya ingin meng-ucapkan berbanyak₂ terima-kaseh atas nasihat ka-mu supaya jangan pergi ka-Singapura malam semalam."

"Bagus-lah kerana tuan ta' jadi pergi itu," jawab Godam Singh. "Kalau tuan pergi jaga tentu akan mendapat kemalangan. Saya hanya-lah hamba tuan yang setia. Tanggong-jawab saya ia-lah menjaga keselamatan tuan sa-keluarga dan harta₂ tuan. Kalau ada saya membuat apa₂ jasa kepada tuan, itu hanya-lah sa-bagai tanggong-jawab saya sahaja."

Tiba₂ Tuan Zain termenong. Dia memikirkan sa-suatu. Fikir-nya di-dalam hati: "Godam Singh telah mendapat mimpi dan menyelamatkan saya. Dia mendapat mimpi...tentu-lah sa-masa tidor. Jadi, dia tidor dalam masa menjalankan tugas. Sudah tentu perkara ini berlaku tiap₂ malam. Kalau bagini, kalau datang penchuri habis-lah segala harta₂-ku."

"Kenapa tuan termenong?" tanya Godam Singh.

"Sekarang, Godam Singh, nah, terima gaji-mu. Saya tambah dengan chek sa-banyak sa-ribu ringgit," kata Tuan Zain dengan tegas. "Kamu mungkin telah menyelamatkan nyawa-ku, tetapi kamu tidak menjalankan tugas pada tiap₂ malam. Kamu tidor. Kalau tidak, bagaimana kamu boleh mendapat mimpi itu?"

“Tapi, tuan...”

“Tidak ada tapi₂ lagi. Sekarang juga saya berhentikan kamu daripada bekerja di-sini.”

Tuan Zain terus pulang dengan muka yang merah padam.

Malam itu Godam Singh tidak menjaga rumah Tuan Zain lagi.

SESAL YANG TA' BERKESUDAHAN



Sudah agak sa-bulan Mohd. Wahid sakit. Apakah penyakit yang di-hidap-nya tidak-lah di-ketahui. Dia sa-benar-nya bukan-lah tidak perchaya kepada doktor, tetapi dia belum lagi mahu di-hantar ka-ru-mah sakit.

la fikir penyakit itu tidak-lah merbahaya; hanya demam biasa sahaja. Sebab itu-lah ia hanya duduk di-rumah dan berusaha dan berikhtiarkan sendiri apa₂ yang di-fikirkan-nya boleh untok menyembuhkan penyakit-nya itu.

Pada masa ia mula₂ merasa demam itu, dia

teringatkan kata₂ guru sains-nya, "Kalau kamu berasa demam, makan-lah aspirin. Jika tidak juga berkurangan demam itu, terus pergi jumpa doktor untuk di-pereksa, kerana mungkin kamu terkena demam kepialu."

Walau pun demikian, kerana memikirkan demam itu agak ringan, Mohd. Wahid tidak memakan aspirin seperti yang di-nasihatkan oleh guru-nya itu. Dia hanya menampalkan beberapa keping plaster Jepun pada dahi-nya.

Pada mula-nya, di-gagahi-nya juga datang ka-sekolah. Ia berasa sangat rugi kalau tertinggal dalam pelajaran. Tambahan pula Peperiksaan Sijil Persekolahan sudah hampir benar. Tetapi lama kelamaan ia terpaksa dudok di-rumah dan chuba menahan demam-nya.

Sebab₂ mengapa dia tidak mahu berubat di-rumah sakit ia-lah, tempat-nya jauh dari rumah sakti dan ia sangat memikirkan kemiskinan keluarga-nya.

Minah, ibu-nya sa-orang penoreh getah. Pendapatan-nya, hanya untuk chukup makan mereka anak-beranak pun agak susah. Kehidupan mereka, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Dahulu, masa ayah-nya maseh ada, Mohd. Wahid dapat-lah mengharapka₂ sedikit wang daripada ayah-nya untuk membeli buku₂ sekolah dan untuk belanja sa-hari₂. Tetapi sejak ayah-nya meninggal dunia, ia terpaksa berusaha sendiri untuk mendapatkan wang bagi perbelanjaan persekolahan-nya. Ia

tidak mahu memberatkan ibu-nya sangat dalam so'al kewangan ini. Malah, ia berazam benar₂ untuk membela nasib ibu-nya.

Sa-telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan nanti, ia akan chepat₂ menchari pekerjaan. Ia tidak lagi berazam untuk melanjutkan pelajaran seperti yang telah di-chita₂kan-nya. Mengikut-nya itu-lah satu₂-nya jalan untuk menolong ibu-nya yang sedang dalam kesusahan itu.

Mohd. Wahid tidak suka menyusahkan atau merisaukan fikiran ibu-nya. Apabila ibu-nya bertanya tentang keadaan diri-nya itu, ia hanya menjawab: "Jangan-lah ibu kkuatir. Demam saya ini hanya sedikit₂ sahaja. Dua tiga hari lagi tentu baik." Dan apabila ibu-nya bertanya tentang ubat₂ yang di-kehendaki-nya, Mohd. Wahid hanya menjawab: "Beli-kan-lah saya plaster Jepun dan aspro sahaja, ibu. Chukup."

Keadaan Mohd. Wahid makin lama sa-makin tenat. Tetapi ia maseh juga mengatakan yang keadaan-nya itu tidak perlu di-risaukan sangat. Ia akan segera baik, kata-nya.

Aminah tidak berapa perchaya kapada doktor. Ia lebeh perchaya kapada Wak Sarimin, bomoh di-kampong itu.

Mula₂ Mohd. Wahid membantah apabila ibu-nya berchadang memanggil Wak Sarimin untuk mengubati-nya.

"Kita miskin, ibu," kata Mohd. Wahid. "Kita

ta' ada duit untuk mengadakan syarat₂ yang bukan₂ yang di-kehendaki oleh to' bomoh itu. Biar-lah saya bagini sahaja."

Mohd. Wahid berkata demikian kerana dia tidak perchaya yang to' bomoh itu akan dapat mengubati sakit-nya.

Namun demikian, Mohd. Wahid tidak-lah dapat menghalang kehendak ibu-nya itu. Kerana terlalu kuat desakan ibu-nya, dia terpaksa menurut kata₂ ibu-nya itu. Ia tidak mahu lagi membantah kata₂ orang tua-nya, atau menghampakan harapan ibu-nya.

Wak Sarimin pun datang-lah melihat keadaan Mohd. Wahid. Mengikut tilekan-nya, Mohd. Wahid telah di-rasok oleh penunggu kolam ayer di-Tanah Peri pada masa ia sedang berjalan₂ dekat dengan kolam ayer itu. Kata-nya lagi, kalau tidak di-halau chepat penunggu itu, Mohd. Wahid akhir-nya akan mati lemas di-dalam kolam itu.

Dan untuk menghalau-nya, syarat-nya, seperti biasa sahaja ia-itu ayam puteh sa-ekor, kain puteh sa-kayu dan wang \$20.00.

Aminah tidak chuba meminta supaya syarat yang telah di-kenakan itu di-ringankan, walau pun ia terpaksa bertungkus-lumus untuk mengadakannya. Biar ia menderita sedikit, asalkan anak yang di-sayangi itu bebas daripada chengkaman penunggu kolam ayer itu, fikir-nya.

Sa-telah syarat yang di-kehendaki itu dapat di-adakan, Wak Sarimin pun chuba-lah mengusir penunggu yang telah merasok Mohd. Wahid itu. Tetapi nyata-lah usaha itu sedikit pun tidak memberi bekas. Malahan, demam-nya itu makin bertambah, berat nampak-nya.

Sekarang sudah jelas-lah bahawa demam itu bukan-lah demam biasa, atau, seperti kata Wak Sarimin, kerana di-rasok oleh penunggu kolam ayer, tetapi ada-lah kerana satu, sebab yang besar dan berat pula.

Sa-orang guru sekolah kebangsaan yang tinggal berdekatan dengan tempat itu sangat mengambil berat tentang keadaan Mohd. Wahid. Nama-nya Hashim. Dahulu, Che'gu Hashim telah memberi nasihat kepada Aminah supaya menghantarkan Mohd. Wahid ka-rumah sakit. Tetapi kata Aminah, Mohd. Wahid tidak perlu di-hantar ka-rumah sakit.

Sekarang, sa-telah Che'gu Hashim melihat keadaan Mohd. Wahid bertambah, berat, ia sa-kali lagi meminta kepada ibu-nya supaya Mohd. Wahid di-hantar ka-rumah sakit sa-belum terlambat.

"Saya tahu juga keadaan mak chik," kata Che'gu Hashim. "Tetapi bukan-kah Mohd. Wahid ini yang mak chik harap,kan untok membela nasib mak chik di-hari kemudian nanti?"

Aminah menchuchorkan ayer mata.

"Jangan-lah mak chik susah. Jika mak chik idzinkan kali ini, biar-lah saya bawa Mohd. Wahid

ka-rumah sakit dengan segera. Perbelanjaan-nya jangan-lah mak chik risaukan. Akan saya tanggung kesemua-nya.”

Sa-telah di-idzinkan oleh ibu-nya, Mohd. Wahid pun di-bawa-lah ka-Rumah Sakit Klang, oleh Che' gu Hashim yang baik hati itu. Terkejut besar Che' gu Hashim apabila mendengar kata doktor tentang sakit Mohd. Wahid itu.

Kata doktor: “Orang ini kena demam kepialu. Sakit-nya sudah terlalu berat. Dia mesti di-hantar ka-Rumah Sakit Besar Kuala Lumpur !”

“Kena demam kepialu ?” Che'gu Hashim menanya doktor itu kembali kerana terkejut.

“Ya, demam kepialu.”

Che'gu Hashim memalingkan pandangan kepada Aminah. “Mohd. Wahid kena demam kepialu,” katanya.

“Demam kepialu ? Apa dia demam kepialu itu?” tanya Aminah.

“Demam kerana bochor tali perut-nya. Dia mesti di-hantar ka-Kuala Lumpur dengan sa-berapa segera. Sekarang juga. Dia dalam bahaya, sekarang.”

Aminah menurut sahaja kata₂ nasihat doktor dan Che' gu Hashim itu.

Di-Rumah Sakit Besar Kuala Lumpur Che'gu Hashim mendapat tahu daripada doktor bahawa keadaan Mohd. Wahid terlalu bahaya. Bochor₂ pada tali perut-nya sudah terlalu banyak dan besar₂ pula.

Harapan untuk dapat mengubati-nya adalah terlalu tipis. "Jika dia di-hantar ka-rumah sakit dulu₂ lagi, tentu-lah dia dapat di-ubati," kata doktor itu dengan perasaan kesal champor hiba. "Walau bagaimana pun," sambong doktor itu lagi, "kami akan chuba juga membuat sa-suatu untuk menyelamatkannya."

Aminah dan Che'gu Hashim menunggu dengan perasaan chemas.

Telah satu hari Mohd. Wahid di-rawat di-Rumah Sakit Kuala Lumpur. Doktor yang merawat Mohd. Wahid menggeleng₂ dengan tidak berkata sa-patah pun apabila Aminah dan Che'gu Hashim datang menemui-nya. Che'gu Hashim dan Aminah bertambah₂ lagi chemas-nya. Tahu-lah mereka bahawa nasib Mohd. Wahid kurang baik.

Pada keesokan hari-nya, pagi₂ lagi doktor itu telah menjumpai Che'gu Hashim dan ibu Mohd. Wahid. Ia datang dengan membawa wajah yang amat sugul sa-kali.

"Apa yang telah terjadi tuan doktor?" tanya Che'gu Hashim. Perasaan ingin tahu-nya meluap₂.

Doktor itu maseh mendiamkan diri.

"Tuan doktor, apa yang telah terjadi kepada Mohd. Wahid?" Che'gu Hashim bertanya lagi.

"Dia telah tidak dapat di-selamatkan lagi. Dia telah..."

"Telah apa, tuan doktor?" ibu Mohd. Wahid memotong perchakapan doktor itu. "Mati?"

“Ya,” jawab doktor itu dengan perlahan, “ia telah meninggal dunia.”

Ibu Mohd. Wahid menangis dengan tidak dapat di-tahan, lagi. Mohd. Wahid-lah tempat ia menaruh harapan di-masa hadapan. Tetapi sekarang dia telah tidak ada lagi. Segala penderitaan hidup-nya terpaksa di-tanggung-nya sendiri.

“Bukan saya ta’ mahu menolong dia,” sambong doktor itu lagi, “tetapi ia terlambat di-hantar ka-rumah sakit. Jika ia di-hantar terus pada mula, dia mendapat sakit itu dulu, dengan idzin Tuhan, dapatlah saya menyelamatkan-nya.”

Sesal ibu Mohd. Wahid tidak terkira. Tetapi, sesal dahulu pendapatan, sedal kemudian tidak berguna.

HANTU TUDONG SAJI



Kami bertiga mengaji di-pondok. Masa itu bulan Puasa. Kami tidak masak sendiri, tetapi makanan kami di-masakkan oleh Mak Chik Erah yang tinggal tidak jauh dari rumah kami. Ia telah bersetuju untuk menghantar makanan ka-tempat kami tiap₂ waktu makan. Lepas makan kami hantarkan sia tempat nasi dan lain₂ makanan ka-rumah Mak Chik Erah. Kami ka-sana sa-chara bergilir₂. Kadang₂ anak₂ Mak Chik Erah sendiri yang datang mengambil balek sia itu.

Hari itu giliran aku pula menghantarkan sia

ka-rumah Mak Chik Erah. Daripada Mak Chik Erah aku mendapat berita baik.

Bila sampai di-rumah aku pun bercherita-lah kepada dua orang kawan₂-ku tentang berita baik itu.

"Ai seh, Bedol, untok sahor malam ini agak istimewa sadikit-lah," kata-ku kepada Bedol.

"Shhh, jangan chakap kuat₂ sangat," kata Bedol. "Jalal tengah tidor. Nanti dia terjaga. Bukan kau ta' tahu. Kalau dia tengah tidor, dia ta' suka orang ganggu. Nanti merah biji mata-nya."

"Ai, lepas berbuka pun tidor."

"Itu-lah kerja-nya tiap₂ hari."

"Patut pun dia gemok. Gemok macham (berbisek) babi."

"Shhh, kalau dia dengar, tentu patah gigi engkau kena tumbok. Sekarang chakap-lah, tapi jangan kuat₂ sangat. Apa makanan yang kau katakan istimewa untok sahor malam ini?"

Aku pun berchakap-lah agak perlahan₂ sadikit. "Mak Chik Erah sembeleh ayam hari ini. Dua ekor. Jadi, chan-lah kita makan lauk ayam. Mak Chik Erah kata, dia hendak goreng, rendang dan gulai ayam itu. Sa-lain daripada itu dia juga hendak hantarkan kita mi rebus."

"Wah, chan kita-lah," kata Bedol pengan agak kuat sadikit. "Kita bedal chukup₂."

"Apa memekak ni hah!" terdengar suara lan-chang dari dalam.

Jalal telah terjaga.

“Tengok, tu,” kata-ku. “Jalal telah terjaga. Itu-lah kau – kau chakap kuat₂ sangat.”

Terdengar Jalal berjalan ka-tempat kami. “Orang na’ tidor kechap pun ta’ boleh ! Na’ memekak saja kerja-nya. Otak ta’ senter !”

Kami mendiamkan diri sahaja. Kami bersedia menentang biji mata Jalal.

Bila sampai kami perhatikan Jalal sirius sahaja. Macham na’ di-telan-nya kami.

Jalal menyergah: “Siapa yang mengatakan tadi aku gemok macham... Gemok macham apa ?”

Kata-ku dalam hati: “Tidak tidor rupa-nya Jalal.”

“Gemok macham apa ?” tanya Jalal lagi.

Jawab-ku: “Bukan aku katakan kau gemok. Aku katakan gemok-lah kita nanti sebab Mak Chik Erah sentiasa memberi kita makanan yang sedap₂.”

“Dan untok malam ini kita akan makan ayam goreng, ayam rendang dan ayam gulai. Mi rebus pun ada juga,” sambong Bedol.

“Wah, bagus-lah tu,” kata Jalal. Sambil berchakap itu mata-nya terbeliak lebar. Fasal makan, Jalal memang nombor satu. Sambong Jalal lagi: “Kalau gitu, ta’ rugi-lah kita bayar makan \$25/ – saorang kapada Mak Chik Erah tiap₂ bulan. Kurang₂ dua kali dapat makan lauk daging – daging ayam atau daging lembu.”

“Memang pun, Mak Chik Erah hendakkan sa-orang daripada kita untok menjadi menantu-nya,” kata Bedol pula. “Saya tengok sa-masa Si-Munah tu datang mengambil sia, ta’ puas dia kalau belum melepaskan senyuman kapada Jalal sa-belum pergi.” Bedol memandang kapada Jalal, menyindir.

“Bukan senyum kerana sukakan Jalal, tetapi kerana geli melihatkan Jalal yang gemok sangat itu,” kata-ku pula.

“Sudah, kau berdua hendak mengenakan aku saja !” Jalal mula marah lagi.

Tiba₂ kami teringat kami ta’ ada sudu untok menyedok lauk, sayor dan mi rebus. Kami pun berchadang untok pergi ka-pekan kerana membeli sudu.

Kami beli tiga buah sahaja. Sa-orang satu, sebab kami bertiga sahaja.

Kami makan sahor awal sadikit pada malam itu. Kami gunakan sendok baru untok menyedok lauk, sayor dan untok makan mi rebus. Wah, bukan main istimewa makanan pada malam itu. Oleh kerana selera kami chukup terbuka pada malam itu, habislah lichin makanan₂ yang ada di-hadapan kami. Yang paling banyak makan ia-lah Jalal. Dia-lah yang menjadi raja makan. Dia yang mula₂ makan dan dia pula yang kemudian sa-kali selesai makan.

Kami chukup kenyang. Saperti selalu, Jalal terus tidor. Selalu-nya yang ta’ tinggal pergi ka-surau untok sembahyang teraweh ia-lah Bedol. Te-

tapi hari itu Bedol pun malas pergi ka-surau. Aku bagaimana ? Na' pergi ka-surau sendirian ? Ah, tidak. Aku ada-lah sa-orang yang penakut. Dengan siapa aku na' balek nanti. Dengan itu aku pun mengambil keputusan untok tidak pergi.

Maka kami bertiga terus tidor. Sudu, pinggan-mangkok serta sia bekas makanan kami itu tertinggal bagitu sahaja dengan tidak berbasoh.

Malam sangat gelap. Barangkali pukul dua atau pukul tiga. Masa itu-lah ketika hantu berkeliaran.

Aku tiba₂ terjaga kerana terdengar sa-orang daripada kawan₂-ku berchakap dalam tidor-nya. Entah Bedol entah Jalal-kah. Tetapi yang selalu mengigau ia-lah Jalal.

Aku dengar baik₂ suara yang mengigau itu. Ah betul, suara Jalal. Seronok pula aku mendengar dia mengigau itu. Kata-nya: "Ah, Munah, kenapa kau dua tiga hari ini ta' datang membawa makanan. Aku ingin melihat kau senyum. Aku suka melihat kau senyum. Manis betul senyuman kau itu. Tapi ta' apa-lah. Aku makan masakan kau sudah chukup puas. Sedap sungguh masakan kau. Kau pandai goreng ayam, pandai gulai ayam, pandai rendang ayam, pandai buat mi. Buat-lah lagi banyak₂. Kenyang sungguh aku makan. Wahai Munah..."

Bedol mengejutkan aku. Dia ingat aku belum lagi jaga. Dia pun terjaga.

“Kau dengar Jalal mengigau tu ?” tanya Bedol.

“Aku dengar-lah,” jawab-ku... “Kau ingat aku tidor macham batang kayu ? Barangkali aku lebeh dulu terjaga dari kau. Kejutkan-lah dia.”

“Shhhh, jangan. Seronok juga kita dengar.”

Jalal mengigau sa-takat itu sahaja. Kemudian suasana senyap sunyi sa-mula.

Sa-belum kami tertidor sa-mula, tiba₂ Bedol berbisek kapada-ku.

“Ada apa, Bedol ?” aku bertanya.

“Shhhh, jangan chakap kuat₂ sangat,” kata Bedol.

“Ada apa ?”

“Kau ta’ dengar ?”

“Dengar apa ?” Aku mulai takut.

“Ada bunyi dalam bilek makan kita.” Bedol mempunyai indera pendengaran yang sangat tajam.

“Ha ?”

“Chuba dengar.”

Aku memasang telinga baik₂.

Sepi sahaja...

Tiba₂ aku terdengar bunyi ting, ting, ting dalam bilek makan.

“Kau dengar itu ?” tanya Bedol,

“Ya, aku dengar,” jawab-ku. “Bunyi apa agaknya ?”

“Itu-lah bunyi hantu.”

“Hantu ?”

Bulu roma-ku mulai naik.

"Ya, hantu," kata Bedol lagi.

"Hantu apa?"

"Hantu tudong saji."

"Apa?"

"Ya, hantu tudong saji."

"Ada pula hantu tudong saji. Aku ta' pernah dengar nama hantu itu."

"Memang ada hantu itu. Kerja-nya membuka tudong saji dengan tujuan hendak menchari baki₂ makanan. Dia lapar. Tuan dia ta' beri makan. Jadi dia melepaskan diri dan terus bermaharajalela di rumah₂ orang kerana menchari sisa₂ makanan. Hari ini sampai pula giliran dia pergi ka-rumah kita. Dia tahu kita makan makanan yang sedap₂ hari ini."

"Tapi makanan kita tidak berlebihan hari ini."

"Kalau ta' dapat sisa₂ makanan, dia makan orang pula. Biasa-nya tuan rumah itu-lah yang menjadi mangsa-nya."

Seluruh anggota-ku mulai lemah. Bukan main takut-nya aku. "Heee, mati-lah kita kali ini. Aku ta' mau mati. Kau juga ta' mau mati, bukan? Kalau bagitu kita lari saja senyap₂. Biar Jalal yang sedang tidor nyenyak itu menjadi mangsa-nya."

"Ta' guna kita lari," kata Bedol. "Kau penakut sangat. Mari kita bunoh sahaja hantu itu."

"Kau na' bunoh hantu?" tanya-ku dengan hairan. "Kau gila? Macham mana kita na' bunoh hantu?"

"Kau jangan takut. Aku ada ilmu-lah. Dengar

sini. Di-sudut bilek situ ada sa-batang besi paip pendek. Pergi ambil besi itu," Bedol memerintah.

Dengan perlahan₂ aku pergi mengambil besi itu. "Apa na' kita buat dengan besi paip ini?" tanya-ku.

"Kita tangkap-lah hantu tudong saji itu. Hantu tudong saji takutkan besi bulat yang berlubang seperti besi paip ini. Dia takut kalau₂ kepala-nya akan masuk ka-dalam besi berlubang ini. Nanti kepala-nya ta' boleh keluar lagi. Sama-lah hal-nya dengan pontianak yang takutkan benda₂ besi yang tajam."

Mendengarkan perkataan pontianak itu aku semakin bertambah₂ takut lagi. Badan-ku berpeloh₂ pada malam yang sejok itu.

"Kalau kita na' bunoh hantu itu biar-lah kita kejutkan Jalal," kata-ku.

"Ta' payah," bentak Bedol.

Bedol terus menchapai lampu pichit di-bawah bantal-nya. Kemudian kata-nya: "Kita hendap sekarang juga. Kau ikut di-belakang-ku."

Tiba₂ "Piarr." Ada bunyi benda jatuh di-dalam bilek makan.

"Bunyi apa tu?" tanya-ku. Hati-ku kechut.

"Ha, itu bunyi pinggan jatuh," jawab Bedol.

"Hantu tudong saji itu marah."

"Sebab apa dia marah?"

"Sebab ta' ada apa₂ makanan di-bawah tudong saji. Tambahan pula kita sakitkan hati dia kerana ta' basoh pinggan-mangkok sa-lepas makan tadi."

"Nampak-nya dia dah mula hendak mengamok,"

kata-ku.

“Mari-lah kita tangkap dia chepat₂.”

Aku ikut di-belakang Bedol perlahan₂. Bedol nampak-nya tidak takut barang sedikit jua pun.

Dengan perlahan₂ kami mengendap. Suasana tenang dan gelap-gulita.

Kaki kami terus melangkah ka-arah tudong saji di-atas meja makan. Satu demi satu kaki kami melangkah. Sebab lantai rumah kami sudah agak burok dan lapok, terdengar-lah bunyi berkiut bila kami meletakkan kaki ka-lantai.

Tiba₂ terdengar bunyi benda keluar dari bawah tudong saji. Bedol lantas menyuloh ka-arah tudong saji itu. Tiga empat ekor tikus kelihatan keluar dari dalam tudong saji dan melarikan diri ka-chelah₂ lubang dinding.

“Ha, ha, ha !” Bedol gelak berdekah₂. Suasana hening di-tengah malam buta itu pechah dengan gelakan Bedol. Gelak-nya macham ilai pontianak. Hiii, sa-makin takut aku rasa-nya.

“Kenapa engkau gelak macham pontianak ?” tanya-ku.

“Tidak-kah engkau nampak hantu tudong saji itu ?”

“Mana, aku ta’ nampak.”

“Ta’ nampak ? Memang-lah engkau ni mata kayu.”

“Mana ?”

“Yang keluar dari tudong saji tadi?”

“Itu tikus, bukan-nya hantu tudong saji.”

“Pandai pun engkau. Tapi itu sebab engkau perchaya ada hantu tudong saji.”

“Jadi, engkau bohong saja-lah?”

“Itu-lah engkau bodoh. Lain kali engkau tidak akan kena perdaya lagi.”

Aku betul₂ marah pada Bedol yang telah menakut₂kan aku dan menipu aku. Rasa-nya pada masa itu juga hendak ku-tumbok muka-nya biar gigi dia tanggal dua tiga batang. Nanti dia tidak akan memperdayakan aku lagi.

“Chuba buka tudong saji tu,” kata Bedol.

Aku pun membuka tudong saji.

“Ha, mana dia sudu yang baru kita beli tadi? Tiga₂ sa-kali ta’ ada.”

Aku menchari₂ sudu itu di-chelah₂ pinggan dan di-dalam sia. Ta’ ada.

“Ka-mana pergi-nya?” tanya-ku.

“Ha, ka-mana lagi, sudah di-larikan oleh tikus₂ itu-lah.”

“Apa di-buat-nya dengan sudu₂ itu?”

“Sebab sedap gulai ayam kita malam tadi. Tikus pun pandai merasa makanan itu; sedap atau tidak. Sudu itu berselaput dengan kuah. Jadi, sebab tikus₂ itu ta’ sempat menjilat kuah yang sedap itu kerana kita telah datang, di-bawa-nya-lah sa-kali ka-tempat-nya. Faham, tolol...”

Aku ketawa berdekah₂ kerana geli mendengar

lawak Bedol itu.

Bedol juga turut gelak berdekah₂.

Tetapi, walau pun gelak kami sungguh kuat berdekah₂, gelak itu tidak akan mengejutkan Jalal yang tidor macham balak. Kalau di-letupkan sa-biji bom dekat-nya pun barangkali dia tidak akan ter-jaga.

“Kita kenakan Jalal pula besok, fasal ‘hantu tudong saji’ dan sudu kita yang hilang tu,” kata-ku kepada Bedol.

“Kau-lah kenakan Jalal,” jawab Bedol. “Aku sudah kenakan kau.”

SARANG TABUAN JANGAN DI-JOLOK



Antara rumah-ku dengan rumah Naim ada sapohon pokok rambutan. Pada satu dahan-nya terdapat tabuan bersarang. Mula₂ tabuan yang tinggal di situ sedikit sahaja. Tetapi lama kelamaan tabuan-nya makin banyak. Sarang-nya itu juga makin lama sa-makin besar. Mereka buat sarang dari tahi lembu yang bertompok₂ di-sapanjang jalan dekat rumah-ku. "Tahi lembu pun banyak juga guna-nya," fikir-ku di-dalam hati.

Pada suatu hari Naim-Melingkor (kami panggil dia 'melingkor') melaung dari rumah-nya kepada

aku: "Hoi, Din-Botak, chuba lihat sarang tabuan tu."

Aku pun melihat pada sarang tabuan itu. Wah ! Sudah sa-makin besar lagi.

"Besar-nya sarang tabuan ni !" kata-ku.

"Sarang itu boleh besar lagi, dan tabuan-nya boleh dua kali ganda lagi," kata Naim-Melingkor.

"Jadi, apa yang kita na' buat ? Nanti terok kita di-kerjakan-nya."

"Mari sini. Aku akan beritahu kau apa yang mesti kita buat."

Aku pun datang-lah ka-rumah Naim-Melingkor.

"Bagaimana ?" tanya-ku lagi kepada Naim-Melingkor sa-telah sampai di-rumah-nya.

"Bagini, Tak," Naim-Melingkor memulakan chadangan-nya. "Tabuan ada-lah sa-jenis serangga yang merbahaya. Boleh jadi adek₂ kau sedang bermain dekat dengan sarang tabuan itu; atau emak engkau sedang menyidai kain, tiba₂ tabuan itu datang menyerang. Apa na' kau buat ?"

"Aku tahu-lah, tabuan tu merbahaya," kata-ku. "Ta' payah lagi engkau bercherita panjang fasal tabuan tu merbahaya. Sebutkan-lah chara bagaimana kita na' menjauhkan-nya."

"Bagini chara-nya."

"Ha, bagaimana ?"

"Kita lesing sahaja sarang tabuan tu dengan kayu atau batu. Habis kesah. Nanti bila sarang tu jatuh, tentu-lah tabuan₂ tu akan lari meninggalkan tempat itu kerana rumah-nya sudah jahanam. Di-

mana lagi mereka na' tinggal?"

"Betul juga kata engkau tu Melingkor. Tapi chadangan kau tu bodoh juga-lah. Tentu ada chadangan₂ yang lebeh baik lagi. Kalau kita lesing sarang itu, tentu-lah tabuan₂ tu akan terbang dan menyerang orang₂ yang ada dekat situ. Badan kita juga tentu akan bengkok₂ nanti. Lagi pula ta' elok kita menyakiti hati orang lain, binatang pun ta' boleh. Kalau kita jahanamkan rumah dia, berma'ana kita menyakiti hati tabuan₂ tu. Terok juga mereka mengangkut tahi lembu dari jalan tu untok di-buat rumah."

"Wah, kau na' bersharah tentang ugama pula, macham sa-orang ulama. Baik-lah, kalau bagitu kata kau, aku ada satu chadangan yang lain pula," kata Naim-Melingkor.

"Bagaimana?"

"Tabuan tidak suka kapada benda₂ yang berbau busok."

"Jadi, ada-kah kita na' gantungkan bangkai kucing dekat sarang tabuan tu?" tanya-ku.

"Kita halau tabuan tu dengan kerang. Kita beli kerang, kemudian kita ambil lastik dan lastikkan kerang tu ka-dalam sarang tabuan tu. Beberapa hari kemudian kerang itu pun akan busok-lah. Kemudian tabuan₂ tu pun akan pergi. Maksud-nya tabuan₂ tu pergi dengan kemahuan-nya sendiri."

"Kalau bagitu, elok-lah juga chadangan kau tu."

"Engkau beli-lah kerang petang ini, Tak. Malam ini kita lastikkan ka-dalam sarang tabuan tu."

Pada petang ini aku pun membeli kerang lima sen. Dapat-lah 10 biji kerang besar.

Naim-Melingkor ada lastik. Dia-lah yang akan melastikkan kerang₂ itu ka-dalam sarang tabuan.

Aku panggil dua orang kawan baik-ku, Shim-Gajah dan Yusof-Kapak. Kami panggil Shim dengan panggilan 'Gajah' kerana dia gemok macham gajah. Kami panggil Yusof dengan panggilan 'Kapak' kerana pada kening-nya ada tanda macham kena kapak. Barangkali dahulu, masa dia sedang memotong kayu dengan kapak, kapak pada tangan-nya itu melenting ka-kening-nya, menyebabkan kening itu luka.

Lepas makan malam Yusof-Kapak dan Shim-Gajah pun tiba-lah ka-rumah-ku. Shim-Gajah penakut sedikit orang-nya. Dengan sebab itu ia datang dengan berselimutkan gebar emak-nya.

Kerang yang ku-beli petang itu ku-berikan kepada Naim-Melingkor. Dia-lah yang akan melastikkan ka-dalam sarang tabuan itu.

Naim-Melingkor mengambil lampu pichit, lalu di-berikan-nya kepada Shim-Gajah. "Nah, kau pegang lampu pichit ni," kata Naim-Melingkor kepada Shim-Gajah.

"Buat apa?" tanya Shim-Gajah.

"Kau suloh-lah ka-arrah sarang tabuan tu. Kemudian akan ku-lastik dengan kerang ni."

"Aku ta' mahu. Ta' fasal₂ aku yang kena nanti. Aku ta' mahu."

“Kau ni memang penakut betul-lah Shim-Gajah. Badan kau saja yang besar, tetapi pengechut-nya bukan kepalang.”

“Kau berikan saja lampu pichit tu kepada Yusof-Kapak. Biar dia yang menyuloh,” kata-ku.

“Bak sini lampu pichit tu,” kata Yusof-Kapak. “Chuma na’ menyuloh sarang tabuan pun takut. Belum lagi suroh pergi ka-sempadan Sabah untok berperang.”

“He, nanti dulu,” kata Shim-Gajah. “Jangan lastik dulu. Biar aku bersembunyi dulu, nanti baru boleh kau lastik.”

Dengan tidak berlengah₂ lagi Shim-Gajah pun lari menyembunyikan diri-nya. Penakut betul dia!

Sekarang chuma kami bertiga sahaja yang mempunyai tugas. Aku, Naim-Melingkor dan Yusof-Kapak. Aku memegang biji₂ kerang. Naim-Melingkor melastikkan kerang pada sarang tabuan itu dan Yusof-Kapak menyuloh-nya.

Kerang chuma ada sa-puluh biji saja. Entah kerana tangan Naim-Melingkor bengkok atau nasib ta’ berapa baik, chuma tiga biji kerang sahaja yang masok. Yang lain₂ itu melayang ka-tempat lain.

“Betul-lah kau ni Naim-Melingkor. Penat₂ orang beli kerang untok menghalau tabuan tu, ini chuma tiga biji sahaja yang masok. Betul-lah kau ni.”

“Chukup-lah tiga biji saja tu, Din-Botak. Tentu tabuan tu akan lari juga dua tiga hari ini. Tengok

saja-lah," jawab Naim-Melingkor.

"Kalau tahu tadi, aku hanya beli tiga biji saja."

"Jangan-lah chuba na' jadi Haji-Bakhil, pula."

Kami nantikan dua tiga hari. Tapi tidak apa₂ yang berlaku atas sarang tabuan dan tabuan₂-nya itu. Lepas itu kami nanti satu hari lagi. Pun ta' ada apa₂ yang berlaku. Aman₂ saja tabuan₂ itu dudok di-dalam sarang-nya. Bukan tabuan₂ itu pergi, malah bertambah₂ banyak bilangan-nya dan sarang-nya sa-makin bertambah besar pula !

"Kerang-nya belum busok lagi agak-nya," kata Shim-Gajah yang ta' mahu masok champor dalam urusan sarang tabuan itu. "Tunggu-lah dua tiga bulan lagi."

Sakit hati-ku di-buat-nya. Itu bukan perchakapan orang bodoh, tetapi perli.

Naim-Melingkor rupa₂-nya terasa juga akan perli itu. "Sudah-lah, Gajah, jangan na' perli₂ lagi."

"Naim-Melingkor sa-benar-nya na' chuba jadi saintis," kata Yusof-Kapak. "Dia na' jalankan eksperimen konon-nya. Orang jalankan eksperimen na' naik ka-bulan, dia jalankan eksperimen na' halau tabuan dengan kerang. Itu pun ta' berjaya. Agak-nya kerang itu bukan-nya na' menghalau tabuan₂ tu, tetapi jadi makanan tabuan₂ tu. Lebih baik kau jadi ahli ekonomi, Melingkor. Belajar fasal accountancy dan perangkaan."

Naim-Melingkor merah macham biji saga mata-

nya. Dia sedang marah betul.

“Sudah,” kata-ku, buat macham orang marah juga. “Chakap saja yang banyak. Buat kerja ta’ mau. Ta’ guna. Kita hidup ni biar banyak bekerja daripada berchakap. Engkau semua bodoh. Aku akan mengambil keputusan-ku sendiri !”

“Apa keputusan kau ?” tanya Yusof-Kapak.

“Aku akan lesing sarang tabuan tu dengan kayu,” jawab-ku. “Sakit mata aku memandangnya.”

“Eh, jangan,” kata Shim-Gajah. “Nanti sebab nila sa-titek, rosak susu sa-belanga. Sebab kau sa-orang, orang lain dapat sakit-nya. Kita ta’ apa, tapi rumah₂ sa-belah tu ? Nanti kalau tabuan₂ tu masok ka-dalam rumah₂ tu, macham mana ?”

Jawab-ku: “Aku akan beri amaran suroh tutup tingkap₂ mereka.”

“Kau sendiri pula bagaimana ?” tanya Yusof-Kapak. “Tentu-lah kau juga hendak melindungi diri daripada kena serang dek tabuan₂ tu.”

“Ha, aku ada satu chadangan !” kata Naim-Melingkor dengan tiba₂. Selalu sahaja Naim-Melingkor ada chadangan.

“Apa pula chadangan kau kali ini ?” tanya-ku.

“Kau akan selamat kalau kau ikut chadangan aku ni, Tak.”

“Katakan-lah chadangan kau tu chepat, Melingkor.”

“Bagini. Aku ada sa-helai gebar tebal. Penye-

ngat tabuan tu bukan-nya panjang sangat.”

“Jadi, apa yang aku na’ buat dengan gebar itu ?”

“Kau selimutkan gebar itu pada seluroh badan kau.”

“Kemudian ?”

“Kemudian kau pergi-lah dekat sarang tabuan tu, kau sembunyi dekat pagar buloh tu. Kau sediakan lima enam kerat kayu. Jadi senang-lah kau melesing sarang tabuan tu. Kau dekat. Sudah tentu akan leboh sarang tabuan tu tersapu habis. Kalau berjaya, kau-lah yang akan jadi hero-nya nanti. Kau akan dapat pingat. Kau akan dapat P.L.S.T.”

“Apa benda-nya P.L.S.T. tu ?” tanya Shim-Gajah.

“Pingat Lesing Sarang Tabuan,” jawab Naim-Melingkor.

“Silap₂, kepala Din pula yang bertambah botak kena sengat tabuan tu. Ingat, sarang tabuan jangan di-jolok !”

“Jangan takut, Din,” Naim-Melingkor memberi perangsang, “Kau ada gebar tebal !”

Hati-ku makin bersemangat dan berasa bangga kerana mendapat galakan itu. Naim-Melingkor, Yusof-Kapak dan aku sendiri menchari kayu dan mengumpulkan-nya di-bawah sarang tabuan dekat dengan pagar buloh. Belum apa₂ lagi Shim-Gajah telah lari menyembunyikan diri.

Yusof-Kapak menghebahkan ka-rumah₂ sa-belah menyuroh mereka tutup tingkap.

Aku membalutkan gebar kepunyaan Naim-Melingkor ka-badan-ku dan pergi ka-bawah sarang tabuan dekat pagar buloh dan memegang sa-batang kayu. Naim-Melingkor dan Yusof-Kapak bersembunyi di-sabalek tiang rumah.

“Sedia, Tak. Bila aku kata lesing, kau lesing-lah. Lepas itu kau sembunyi-lah di-bawah rumpun buloh tu. Tentu-lah tabuan tu sangkakan kau bukan orang, chuma tunggul kayu saja. Nanti bila semua tabuan dah masok sa-mula, aku akan beritahu kau supaya boleh kau melesing lagi,” Naim-Melingkor melaung dari balek tiang itu.

Balutan gebar itu hanya ku-buka sedikit sahaja, ia-itu tentang muka-ku. Aku tuju kayu itu betul₂ ka-arah sarang tabuan itu, kemudian aku pun melesing sarang tabuan itu. Hanya kena sedikit sahaja, ia-itu tentang bawah-nya.

“Chelaka betul,” kata-ku di-dalam hati. “Tadi kalau kena atas-nya tentu-lah sarang tabuan bedebah tu akan kopak semua-nya.”

Aku terus membalutkan sa-mula gebar itu ka-seluruh tuboh-ku, lalu menyembunyikan diri di-bawah rumpun buloh pagar.

Terdengar laungan Naim-Melingkor: “Sembunyi, Tak, tabuan tu keluar. Tapi chuma di-bawah sarang-nya sahaja.”

Sa-bentar kemudian terdengar lagi laungan Naim-Melingkor: "Tabuan tu dah masok sa-mula Tak, boleh lesing lagi!"

Aku pun keluar dari tempat persembunyian lalu mengambil sa-batang kayu lagi. Kali ini aku tuju betul₂.

"Wing..." aku lesingkan kayu itu.

"Kerash..." kayu itu kena pada sarang tabuan itu.

Aku terus menyembunyikan diri lagi.

"Bagus, Tak," terdengar suara Yusof-Kapak pula. "Kena sarang tabuan tu kau lesing. Kau memang pandai menuju. Tapi jaga baik₂. Sembunyi, jangan keluar₂. Tabuan tu banyak keluar..."

"Tabuan tu ada di-atas kau. Jaga baik₂. Jangan buka gebar!" terdengar pula suara Naim-Melingkor. "Jangan bergerak!"

Aku mendiamkan diri. Di-atas ku-terdengar dengongan tabuan. Wah, banyak sungguh yang hinggap di-atas-ku. Tapi tabuan₂ tu tidak menggigit – kalau menggigit pun ta' sampai gigitan-nya kerana gebar yang ku-pakai tu sangat tebal. Atau barangkali juga dia sangkakan aku hanya tunggul kayu.

Lama kelamaan bunyi dengongan tabuan itu sa-makin hilang. Betul, di-sangkakan-nya aku tunggul kayu!

"Kali ini habiskan sa-kali, Tak...nanti dulu, jangan keluar. Ada dua tiga ekor lagi terbang di-atas

kau..." terdengar suara Naim-Melingkor.

Tiada berapa lama kemudian: "Boleh keluar. Dah ta' ada lagi."

Aku pun keluar dari tempat persembunyian-ku. Aku timang kayu yang ada pada tangan-ku, dan aku achukan pada sarang tabuan itu. "Ini kali terakhir," kata-ku dalam hati.

"Kerash... !" bunyi kayu mengenai sarang tabuan itu. Bersama₂ itu juga aku lihat sa-paroh daripada sarang tabuan itu gugor ka-bumi. Tabuan₂ terpanchut daripada sarang-nya. Banyak sa-kali !

Aku terus menyembunyikan diri di-bawah rumpun buloh dengan berselimutkan gebar.

Wah, terok aku kali ini ! Kuat sa-kali bunyi tabuan di-atas-ku. Ada yang sudah hinggap di-atas gebar, ada pula yang maseh terbang berlegar₂.

"Jaga, Tak," terdengar laungan Naim-Melingkor. "Banyak sangat tabuan di-atas kau. Tutup gebar rapat₂. Jangan beri tabuan tu masok !"

Tiba₂ ... "Slit !" sa-ekor lebah menyengat gebar hingga tembus ka-belakang-ku.

"Adoh, tolong... !" aku mengadoh kesakitan.

"Slit ! Slit... ! Slit... ! Slit ...!" beberapa ekor lagi tabuan menyengat badan-ku.

"Adoh ! Tolong... Tolong... Tolong... ! Tolong aku. Minta aku gebar lagi."

"Na' gebar lagi ?" tanya Yusof-Kapak. "Nanti aku ambilkan."

Sementara itu dua tiga ekor lagi tabuan menye-

rang aku. Aku sudah ta' tahan lagi. Aku pun lari dari tempat itu, gebar maseh juga menyelimuti tu-boh-ku, takut kalau₂ tabuan masok ka-dalam gebar. Aku terus lari masok ka-dalam rumah. Dua tiga ekor tabuan yang maseh melekat pada gebar itu ku-lanyak₂ dengan tukul besi. "Sial betul aku hari ini," aku menyumpah₂ sendirian.

Ibu-ku datang: "Engkau ni memang-lah. Ta' ada kerja di-chari kerja! Elok dudok aman₂, ini bala yang kau chari. Hah, rasakan-lah. Pergi lesing lagi sarang tabuan tu biar di-telan-nya sa-kali kau. Apa salah-nya sarang tabuan tu tergantung dekat pokok tu? Ada dia usek kau?"

"Sudah-lah, mak," kata-ku. "Emak tolong ambilkan minyak geliga, gosok pada tempat yang kena sengat tu."

"Pada emak juga dia minta tolong. Bila emak chakap, ta' pernah di-dengar-nya," emak-ku merungut₂.

Emak-ku pergi mengambil minyak geliga. Setelah dapat ia pun datang sa-mula lalu menggosokkan minyak itu pada tempat₂ yang kena sengat.

"Berapa tempat semua-nya mak?" tanya-ku.

"Tujoh. Nasib baik kau ta' mampus. Siapa yang menyuroh kau lesing sarang tabuan tu hah?"

Aku hanya mendiamkan diri sahaja.

Naim-Melingkor, Yusof-Kapak dan Shim-Gajah datang.

"Apa khabar Din, mak chik?" tanya Shim-

Gajah.

“Hah, tengok-lah,” jawab ibu-ku. “Nasib baik ta’ mampus. Mak chik pun hairan. Apa salah-nya sarang tabuan tergantung pada pokok tu? Bukan dia usek kita. Kalau kita ta’ kachau dulu tentu dia ta’ apa₂kan kita. Nah, tengok-lah tu, lebam₂ badan-nya. Dah mula bengkak pula. Biar dia sendiri yang merasakan...”

“Bak sini minyak, mak chik, saya tolong gosokkan pada badan Din,” kata Shim-Gajah.

“Tengok₂-lah dia. Mak chik pun ada kerja di-dapor.”

Shim-Gajah mengambil minyak geliga itu lalu menggosok₂kan-nya pada belakang-ku.

“Berapa biji kena?” tanya Yusof-Kapak.

“Tujoh,” jawab-ku.

“Itu-lah, aku kata sarang tabuan jangan di-jolok,” kata Shim-Gajah.

“Ini semua Melingkor punya fasal!”

“Jangan chuba na’ tudoh aku pula,” jawab Naim-Melingkor, mempertahankan diri-nya. “Engkau juga yang beria₂ sangat.”

“Tapi ini ranchangan Naim-Melingkor juga,” kata Yusof-Kapak. “Lagi satu ranchangan dia gagal!”

“Memang sial betul-lah aku. Kau orang yang banyak chakap, suroh buat itu dan buat ini, aku juga yang terok. Ta’ achi betul.”

Tiada berapa lama kemudian ibu-ku datang membawakan kopi dengan rebus keladi. Kami ma-

kan sambil berbual₂. Tapi badan-ku rasa-nya sa-
makin sakit. Tujoh sengat tabuan yang ada pada ba-
dan-ku menyedut' sakit-nya.

* * *

Hari esok dan sa-terus-nya aku ta' bersekolah.
Aku dapat chuti dengan kebenaran doktor sa-lama
empat hari. Sengat₂ yang ada pada badan-ku itu
telah menjadikan tempat₂ itu bengkak. Mujor juga
hanya empat sahaja yang bengkak, yang tiga tidak.
Barangkali sebab aku dapat empat bengkak itu-lah
doktor telah membenarkan aku berchuti sa-lama
empat hari !

HARI DEPAN YANG SAMAR₂



Lepas makan malam, Aman kembali menghadapi buku₂ sekolah-nya. Dua tiga hari itu dia ashek dengan buku₂-nya sahaja. Satu minggu lagi pepereksaan Penggal Tiga akan di-adakan.

“Aku mesti mengekalkan kedudukan-ku,” Aman berazam. “Penggal Pertama dan Kedua aku telah mendapat markah yang tertinggi. Penggal Tiga ini aku mesti dapat nombor satu juga.”

“Mak, mak, kalau saya lulus ujian akhir ini, saya akan belajar di-Tingkatan Lima tahun hadapan,” ujar Aman kepada emak-nya pada suatu malam, sa-

lepas makan.

“Bagus-lah bagitu. Belajar-lah bersungguh₂,” jawab emak-nya.

“Tentu-lah engkau akan menggunakan wang yang banyak pada tahun depan, Man,” ayah-nya yang dari tadi diam sahaja, tiba₂ menyampok.

“Ya, ayah,” Aman menjelaskan. “Untuk pepeksaan sahaja sa-banyak \$70/-. Duit buku, duit yuran sekolah lagi; agak-nya semua sa-kali dekat \$300/-.”

Mata ayah Aman terbeliak apabila mendengar penerangan daripada Aman itu. “Tiga ratus ringgit?” tanya-nya, mata-nya terbeliak. “Dari mana kita na’ chari wang yang sa-banyak itu?”

Ketiga orang anak-beranak itu diam sahaja memikirkan hal itu. Kesedehan terbayang pada muka emak dan ayah Aman. Dia memang menyedari tentang kesusahan keluarga-nya yang serba miskin itu. Memang susah kehidupan mereka. Kehidupan mereka ibarat ayam, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Hanya di-atas sa-bidang kebun getah itu-lah nasib keluarga mereka tergantung. Telah bertahun₂ hasil getah itu di-perah. Kini pokok₂ getah itu sudah tua₂ belaka. Pokok₂-nya sekarang kurang mengeluarkan susu. Namun bagitu pokok₂ getah tua itu terpaksa di-perah juga susu-nya tiap₂ hari.

“Di-mana na’ chari wang sa-banyak itu?” ta-

nya Aman kapada diri-nya sendiri tiap₂ kali ia mula membuka buku₂ pelajaran-nya. Fikiran-nya tidak boleh tenteram lagi. Dia chuba menumpukan sa-penoh₂ perhatian kapada buku₂ pelajaran-nya, tetapi so'alan itu selalu sahaja datang dalam kepala-nya. So'alan itu datang bertalu₂.

“Kenapa hidup-ku bagini?” Aman menyesali diri-nya. “Kenapa keluarga-ku miskin?”

Api minyak tanah di-hadapan-nya meliok₂ di-tiup angin malam yang bertiup melalui jendela ru-mah-nya. Api lampu itu hampir akan mati, tetapi Aman melindungi api lampu itu dengan tapak ta-ngan-nya untok menahan angin yang meniup itu.

Aman mengelamun. Mata-nya merayap₂ ka-keliling bilek. Dinding₂ bilek itu telah usang sangat. Atap-nya juga telah banyak yang bochor.

“Ayah dan emak-ku sudah tua,” kata Aman dalam hati-nya, “Aku harus membantu mereka seka-rang. Aku akan bina sa-buah shurga untok mereka.” Sambil a berangan₂ itu, Aman memerhatikan atap rumah-nya yang bochor₂ itu.

“Tetapi...” Aman mengeloh lagi, “mungkin-kah aku berbuat demikian?”

Aman tidak dapat menjawab pertanyaan itu.

Hati-nya mulai tawar. Baru₂ ini hati-nya tam-bah tawar lagi apabila ayah-nya berkata yang ia hendak memberhentikan-nya daripada sekolah ke-rana tidak mampu. “Ayah dah ta' mampu lagi mem-beri belanja sekolah engkau, Man. Lebeh baik engkau

berhenti sahaja," kata ayah Aman pada suatu malam.

Pada malam itu, sa-belum Aman tidor, ia menangis sendirian mengingatkan kata₂ ayah-nya itu. Terasa hanchor luloh hati-nya kerana terpaksa berhenti sekolah itu.

Tiga bulan berlalu, tetapi ayah-nya belum lagi memberhentikan dia lagi. Boleh jadi ayah-nya sedar keinginan Aman untok menamatkan pelajaran-nya.

Namun demikian, hati Aman belum tenteram lagi. Mungkin suatu hari keadaan akan memaksa ia supaya berhenti dari bersekolah. Aman sedar, keadaan hidup mereka makin hari sa-makin susah.

"Mungkin-kah aku dapat membalas jasa ibu bapa-ku?" selalu Aman bertanya pada diri-nya sendiri.

Aman menutup buku yang di-bacha-nya. Ia mengambil buku lain pula yang bertingkat₂ di-hadapan-nya. Di-pandang-nya buku₂ itu. "Berapa banyak duit yang telah habis untok engkau?" bisek hati Aman.

Dalam fikiran-nya terbayang bagaimana ayah-nya telah membanting tulang kerana mengadakan belanja sekolah-nya. Kalau di-kumpulkan wang yang telah di-gunakan itu jumlah-nya boleh jadi chukup untok membeli sa-bidang tanah.

"Akan terbuang perchuma-lah wang yang telah di-gunakan itu kalau aku gagal nanti!"

Fikiran itu-lah yang menguatkan lagi azam

Aman untok belajar lebeh tekun lagi. Kalau ia berjaya, ia berharap akan dapat membalas jasa emak dan ayah-nya.

“Ayah-ku telah banyak berkorban untok sekolah-ku,” Aman mengelamun lagi. Lalu terbayang pada-nya betapa banyak-nya peloh yang telah mengalir dari tuboh ayah-nya untok mendapatkan wang bagi belanja sekolah-nya.

Lampu minyak tanah di-hadapan-nya mellok₂ lagi. Lampu itu hampir akan padam kerana minyak-nya sudah habis. Lesu sahaja api di-hujung sumbu pelita itu. Chahaya yang di-harap₂kan dari-nya semakin malap. Tidak lama lagi akan padam-lah ia.

“Engkau belum lagi membayar wang sekolah bulan ini. Bulan depan sudah dekat pula,” Aman teringat kata₂ guru-nya pagi tadi.

Aman diam sahaja. Ia ta' tahu apa yang hendak di-jawabkan-nya. Sudah bermacam₂ daleh di-berikan kapada guru-nya tiap₂ kali guru itu bertanya.

“Esok saya bawa duit itu, che' gu,” itu-lah jawapan yang sering di-berikan-nya.


Malu Aman kapada kawan₂ sekolah-nya bila guru-nya bertanya akan hal wang sekolah itu. Kawan₂-nya yang lain semua-nya telah membayar-nya belaka.

Aman tidak sampai hati meminta duit sekolah dari ayah-nya. Sudah selalu sangat ia meminta duit. Ayah-nya belum juga memberinya. Ia sedar akan kesusahan yang di-hadapi oleh ayah-nya.

Malam telah hampir larut. Ayah dan emak Aman sudah lama mendengkor. Sudah menjadi ke-laziman, mereka terus tidor lepas makan malam ke-rana terlalu penat bekerja pada siang-nya. Aman juga telah mula mengantok. Lampu minyak yang hampir sangat akan padam itu mematikan niat-nya untuk terus membacha. Lalu buku yang di-hadapi-nya itu di-tutup-nya.

Di-tempat tidor, Aman payah hendak melelap-kan mata. Kepala-nya di-penohi berbagai₂ pertanya-an dan fikiran. Dia memikirkan hari depan-nya. Hari depan yang maseh samar₂ lagi.

PENYESALAN



Pejabat Mali tutup pada pukul 4.30 petang. Tetapi selalu-nya ia pulang lambat sedikit. Ia terpaksa mengemaskan dahulu fail dan buku₂ tuan-nya.

Sudah tiga tahun ia bekerja di-pejabat itu, sebagai budak pejabat. Itu-lah panggilan bagi-nya, walaupun pun usia-nya sudah melampaui 20 tahun; ia masih juga di-panggil "budak."

"Aku gembira dengan kerja ini," sahut Mali bila di-tanya oleh kawan₂-nya.

"Tidak-kah ada kerja lain?" tanya sa-orang kawan-nya.

“Entah-lah, Man,” jawab Mali. Kawan-nya itu bernama Osman. “Penat aku menchari kerja lain, tetapi ta’ berhasil juga. Kelulusan-ku sangat rendah.” Mali mengeloh, kesal.

“Habis, ta’ kan kau na’ bagini sahaja sampai tua !”

“Ta’ apa-lah Aku gembira bagini.”

Mereka diam sa-bentar. Deruman kenderaan di-dalam bandar yang sibok itu mengatasi bunyi₂ lain. Memang pada masa itu-lah bandar itu paling sibok. Kesibokan itu akan berlanjutan hingga larut malam. Penduduk₂ bandar itu keluar kerana menchari hiburan di-panggong₂ wayang, ka-taman bunga dan ka-lain₂ tempat hiburan.

“Kita berbedza sekarang, Man,” Mali membuka kata.

“Apa maksud kau ?” tanya Osman.

“Kita berbedza dalam segala₂-nya.”

“Sebab apa kita berbedza ? Bukan-kah kita sama₂ manusia ? Kita sama₂ makhluk Allah bukan ?”

“Itu betul. Tapi kehidupan kita yang berbedza.”

Osman diam sahaja. Dia mengerti apa yang dimaksudkan oleh Mali itu.

Dalam diam₂ bagitu, jiwa-nya melambong tinggi dengan bangga-nya kerana hidup sangat jauh berbedza dengan teman itu.

Kehidupan Osman mewah, sedangkan kehidupan Mali dalam serba kekurangan. Osman menjadi

kerani besar dalam salah sa-buah pejabat kerajaan di-bandar itu. Tetapi Mali ? Dia hanya sa-orang budak pejabat sahaja.

“Aku menyesal juga kerana ta’ belajar bersungguh₂ masa di-bangku sekolah dahulu, Man,” kata Mali kepada Osman. Sambong-nya lagi: “Dan oleh sebab itu, bagini-lah chara-nya kehidupan-ku sekarang ini.”

“Kenapa aku ta’ sedar dahulu ?” fikiran Mali merayap₂, sambil mata-nya memerhatikan pakaian Osman yang serba indah. Berlainan sungguh dengan pakaian Mali. Mali sa-olah₂ di-paksa berpakaian begitu: pakaian kuning sa-ragam, ia-itu pakaian kerjanya. Dengan pakaian itu orang akan tahu yang dia sa-orang budak pejabat, walau pun orang itu belum kenal lagi dengan Mali.

“Osman berkereta sekarang. Rumah-nya juga besar dan chantek. Aku hanya tetap bagini sahaja. Ta’ ada kereta. Ada rumah tetapi rumah burok. Terpaksa pula menanggung ibu dan adek₂,” fikir Mali.

Mali penoh dengan penyesalan. Ia menyesal kerana menchuai₂kan pelajaran sa-masa di-bangku sekolah dahulu. “Kalau-lah aku tekun belajar dulu, tentu-lah aku ta’ jadi bagini, menjadi budak pejabat,” kata Mali dalam hati-nya lagi.

Mali dan Osman sa-sekolah dan sa-darjah dahulu. Oleh kerana ayah-nya agak kaya juga, ia tidak berapa mengindahkan pelajaran-nya. Apa₂ yang di-

kehendaki-nya boleh di-adakan oleh ayah-nya. Sebab itu-lah pelajaran bagi-nya tidak berapa berguna sangat. Pada fikiran Mali, tentu-lah ia akan dapat mewarisi segala harta pesaka ayah-nya apakala ayah-nya meninggal dunia kelak. Tetapi Mali tidak mengetahui perkara yang sa-benar-nya berkenaan dengan ayah-nya itu. Sa-benar-nya ayah Mali mempunyai hutang yang banyak di-sana sini.

Kematian ayah Mali mendatangkan kesusahan yang amat sangat kepada keluarga yang di-tinggalkan-nya itu. Harta yang di-tinggalkan-nya itu tidak cukup untuk membayar hutang-piutang ayah-nya yang berada di-sakeliling pinggang.

Pada masa itu Mali telah keluar sekolah kerana gagal dalam Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran. Selama dua tahun Mali menganggor dengan tidak membuat apa₂ kerja yang boleh mendatangkan wang. Ka-merata₂ pejabat Mali telah pergi kerana menchari pekerjaan, tetapi tidak ada yang mahu menerimanya. Kelulusan-nya tidak memenohi syarat yang dikehendaki.

"Sekarang ramai orang yang pandai. Sebab itu-lah sijil engkau itu tidak di-terima-nya, orang₂ lain mempunyai sijil yang lebeh baik lagi," kata sa-orang kawan kepada Mali.

"Tolong-lah charikan aku kerja," kata Mali kepada-nya meminta tolong saperti budak₂ kechil. "Kerja apa pun jadi-lah."

Dengan pertolongan kawan-nya itu, Mali telah

di-ambil untok bekerja sa-bagai sa-orang budak pejabat di-salah sa-buah pejabat di-dalam bandar yang sibok itu.

Biasa-nya Mali pulang dengan berjalan kaki. Tetapi pada suatu petang, sa-masa ia sedang berjalan pulang, sa-buah kereta telah berhenti dan pemandu-nya mempelawa ia naik.

“Siapa sa-benar-nya saudara ini?” Mali bertanya kepada pemandu kereta itu.

“Ta’ kenal-kah?” pemandu kereta itu menyo’al.

“Agak₂-nya saya pernah berjumpa dengan saudara. Tapi bila, di-mana? Saya telah lupa.” Mali chuba mengingat perkara yang telah lepas, sambil memandang tepat kepada pemuda itu.

“Saya-lah Osman,” ia memperkenalkan dirinya.

“Osman?”

“Ya, Osman, teman sa-darjah dulu.”

“Oh, ya, baru saya ingat. Apa khabar sekarang? Kerja di-mana?”

“Saya bekerja di-Pejabat Bandaran. Awak bagaimana? Kerja di-mana?”

Pada pertanyaan ini Mali agak berat untok menjawab-nya. Mali belum mahu menjawab lagi.

“Kenapa jalan kaki sahaja?” tanya Osman lagi.

“Sa-benar-nya, Man,” akhir-nya Mali bersuara, “saya malu untok bercherita tentang hal diri saya.”

“Apa yang hendak di-malukan?”

“Saya hanya sa-orang budak pejabat, Man. Saya tidak layak dudok di-dalam kereta yang chantek bagini.”

Osman berasa kasehan atas nasib yang menimpa diri Mali itu. Ia maseh ingat keadaan Mali di-sekolah dahulu, pemalas dan suka main. Suka pula mengachau orang lain.

“Tetapi aku gembira dengan kerja yang aku buat ini, Man. Ini-lah balasan kechuaian-ku dulu,” kata Mali.

“Dah sampai kita,” tiba₂ Osman berkata.

Osman memberhentikan kereta. Mali keluar. “Terima-kaseh, Man,” kata-nya.

BALASAN



Pintu penjara itu di-buka, Yusri masuk dengan tenang. Di-situ terletak sa-buah bangku panjang, tempat ia dudok dan tidor sa-lama enam bulan. Pintu penjara itu di-tutup-nya dan di-kunchi dengan rantai besar.

Yusri dudok di-atas bangku. Kedua belah tangan-nya menutup muka yang membayangkan ke-sugulan. Jiwa-nya di-harongi sa-ribu satu macham perasaan dan perso'alan. "Mengapa aku di-penjara-kan?" hati-nya bertanya.

Yusri chuba mengingatkan kejadian yang telah

menimpa diri-nya. Kejadian itu-lah yang telah mem-bawa-nya ka-dalam penjara itu.

Yusri anak orang kaya. Dia tinggal di-Kampong Merah bersama₂ dengan ayah dan ibu-nya. Ayah-nya orang kaya, banyak wang. Jadi, dia tidak perlu be-kerja lagi. Bila₂ ia perlukan wang, ia minta sahaja pada ayah-nya. Sudah tentu akan dapat.

Pada masa kechil-nya Yusri sangat jahat. Dia di-hantar ka-sekolah oleh ayah-nya, tetapi dia men-chuai₂kan pelajaran. Yusri merasa bahawa dia anak orang kaya. Apa guna-nya dia belajar lagi. Dia boleh mendapat wang dengan senang sahaja. Yang perlu dia buat chuma minta sahaja dari ayah-nya.

Yusri ada-lah murid yang bebal sa-kali dalam darjah-nya.

Pernah juga Guru Besar-nya menghantar surat kapada ayah-nya, mengatakan bahawa anak-nya sangat lemah dalam pelajaran, tetapi ayah-nya tidak berapa menghiraukan perkara itu.

Kemalasan Yusri bertambah₂ lagi apabila ayah-nya tidak menghiraukan amaran yang di-berikan oleh Guru Besar sekolah itu. Dia pergi ka-sekolah hanya untok mengisi jadual kedatangan.

Tiap₂ hari dia di-hantar dengan kereta. Pulang pun di-ambil dengan kereta juga. Sampai di-rumah, di-champakkan-nya buku₂ pelajaran ka-suatu penjuru bilek. Lupa-lah ia akan hal buku₂ pelajaran itu dan juga segala kerja₂ yang di-suroh buat oleh guru-nya.

Pada akhir tahun, Yusri tidak lulus ujian. Dia terpaksa berhenti. Namun Yusri tidak merasa sedih kerana terpaksa berhenti sekolah itu...

Ingatan Yusri terganggu sa-ketika apabila penjaga penjara itu datang membawakan makanan, sa-ketul nasi dan sa-kole ayer sejok.

"Ini makanan kamu," kata penjaga itu lantas keluar meninggalkan tempat itu.

Yusri membiarkan sahaja makanan itu terletak di-tempat yang di-tinggalkan. Ia belum chukup lapar. Ia merasa jijik akan makanan yang di-hidangkan itu. 'Bagini rupa-nya makanan orang dalam penjara,' kata hati Yusri.

Kalau dulu Yusri makan makanan yang enak, sahaja, masa dalam penjara, ia terpaksa makan makanan yang paling sederhana. Ia tidak dapat memilih. Yusri menganggap, makan yang di-hidangkan itu layak di-makan oleh babi sahaja.

Yusri membaringkan diri di-atas bangku panjang. Kedua, tangan-nya di-alaskan di-bawah kepala. Mata-nya meneliti sa-genap penjuru bilek.

Penjara itu hanya lebeh kurang sa-puluh kaki persegi besar-nya. Bangunan-nya kukoh, di-buat daripada batu, pejal. Di-hujung sana ada sa-buah jendela kecil yang beradangkan besi, berselang. Dari jendela itu Yusri dapat melihat betapa riang-nya burung, berterbangan di-pohon, rendang yang ada di-sakeliling bangunan penjara itu.

Yusri mengalahkannya pandangan ka-arah tembok penjara itu. Di-lihat-nya semut berduyun₂ turun ka-bawah mengerumuni nasi-nya. Mereka membawa nasi₂ itu ka-tempat kediaman mereka. Segala perbuatan semut itu di-biarkan sahaja oleh Yusri.

Ingatan Yusri bersambong lagi...

Bagaimana ia mula berkawan dengan budak₂ nakal, yang sentiasa merayau ka-hulu ka-hilir mengukor jalan. Yusri tidak membuat apa₂ pekerjaan, tetapi wang-nya sentiasa banyak. Dan wang itu-lah yang membuat kawan₂-nya sentiasa berada di-samping-nya.

Saperti biasa, Yusri berjumpa dengan kawan-nya, Jamal. Masa itu lebeh kurang pukul 10 pagi.

"Hallo, Jamal," Yusri menyapa.

"Hallo," Jamal menjawab.

Hari itu Yusri kelihatan sangat gembira. Ia baharu sahaja mendapat wang dari ayah-nya.

"Yus, ada rokok?" tanya Jamal.

Yusri meraba kocek-nya, menchari₂ rokok. Tidak ada. Tetapi sa-balek-nya ia mengeluarkan wang sa-banyak \$10/-. Mata Jamal terbeliak melihat wang \$10/- itu.

"Nah, pergi beli rokok," kata Yusri kepada Jamal.

Bagitu-lah yang di-buat oleh Yusri dengan kawan₂-nya tiap₂ hari. Ia sentiasa bebas daripada segala sekatan. Duit tidak pernah susut dari kocek-

nya, dan sa-tiap itu-lah kawan₂-nya sentiasa berada di-samping-nya.

Selalu Yusri berkunjung ka-kedai₂ buku. Ia gemar membacha. Buku₂ yang di-gemari-nya ia-lah buku₂ yang ada tertulis dengan: "Di-larang membacha jika belum dewasa."

Wang Yusri mengalir saperti ayer dari kohek-nya. Sa-tiap hari kerja-nya ia-lah berbual dengan kawan₂, menonton wayang, mengorat anak bini orang dan pulang untok makan dan tidor sahaja.

Ayah Yusri mulai sedar akan kemerosotan duit-nya. Ia mulai sedar wang-nya sa-makin lama sa-makin kurang. Ini menyusahkan Yusri untok mendapat wang dari ayah-nya.

Akhir-nya ayah Yusri telah jatuh miskin. Usaha Yusri untok mendapatkan wang dengan tidak payah bekerja lagi telah gagal. Banyak kebun dan barang₂ perhiasan rumah telah di-jual atau di-gadaikan untok mendapatkan wang.

Walau pun Yusri telah gagal untok mendapatkan wang sa-tiap hari, tetapi ia tetap malas bekerja bagi mendapatkan wang untok keperluan diri-nya sendiri. Maka timbul-lah beberapa ranchangan di-dalam hati-nya.

Dia ingin mempunyai wang, tetapi dari manakah dia boleh mendapat wang itu ?

Malam itu terlalu gelap. Tetapi gelap yang saperti itu-lah yang di-harap₂kan oleh Yusri, kerana

pada malam itu-lah Yusri hendak menjalankan satu ranchangan-nya.

Ia berjalan di-dalam gelap itu ka-rumah Haji Ali. Suasana malam sunyi-senyap. Hanya suara jengkerik sahaja yang kedengaran.

Tidak lama kemudian kelihatan satu lembaga hitam memanjat tiang rumah Haji Ali. Itu-lah Yusri. Ia dengan menggunakan sa-batang besi telah dapat masuk ka-rumah Haji Ali melalui tingkap.

Ia berjingkit₂ berjalan di-dalam rumah itu. Tangan-nya meraba₂ dalam gelap. Hati-nya bertanya: "Di-mana agak-nya almari duit-nya?"

Tangan-nya terus juga meraba. Kaki-nya melangkah sa-langkah demi sa-langkah.

Tiba₂ Yusri terlanggar sa-buah kerusi. Kerusi itu jatuh, dan kedengaran bunyi yang amat kuat. Yusri chemas. "Apa yang harus aku buat?" kata-nya dalam hati.

Dari dalam kedengaran orang tergesa₂ keluar. Sempat juga Haji Ali melihat Yusri melonchat dari jendela.

"Tolong, tolong, penchuri," kedengaran suara Haji Ali melaung₂ pada malam buta itu.

Suara Haji Ali meminta tolong itu menyebabkan jiran₂-nya keluar beramai₂ membawa senjata masing₂ dan lampu suloh.

"Arah mana dia lari?" tanya sa-orang jiran.

"Arah situ," Haji Ali menjawab sambil menun-

jok ka-arrah semak₂ tidak jauh dari tempat mereka itu.

“Ayoh, kejar,” jiran₂ yang lain berteriak.

Orang₂ itu menyuloh arah yang di-tunjokkan oleh Haji Ali.

“Itu dia,” kata orang₂ yang mengejar Yusri.

Yusri terus berlari untok menyelamatkan diri. Sa-kali sa-kala ia menoleh ka-belakang. Di-lihat-nya pengejar₂ itu sa-makin dekat. Dia chuba lari dengan lebeh chepat lagi.

Tetapi Yusri tidak dapat menyelamatkan diri. Pengejar₂ itu telah dapat menangkap Yusri. Teroklah Yusri kena pukul dan kena tumbok.

“Kau rupa-nya, Yusri?” kata mereka.

Yusri diam sahaja. Muka-nya di-tundokkan ka-tanah kerana ia berasa sangat malu.

“Jalil, pergi panggil polis,” kata Haji Ali.

Ta' berapa lama kemudian datang-lah beberapa orang polis. Yusri di-bawa ka-balai polis sa-telah tangan-nya di-gari.

Pada hari pembicharaan, Yusri di-dapati salah atas tudohan chuba hendak menchuri. Hakim telah menjatohkan hukuman enam bulan penjara.

Ingatan Yusri terputus. Mata-nya meneliti kembali bilek penjara tempat ia tinggal itu.

Semut₂ yang membawa nasi-nya itu telah pun berjaya membawa sa-bahagian daripada nasi itu. Yusri membiarkan sahaja. Dia sudah mula berasa lapar, tetapi ia tidak ada selera hendak makan.

“Biar-lah semut, itu makan,” kata Yusri di-
dalam hati-nya. “Mereka juga lapar.”

DUA PULOH RINGGIT PUN JADI-LAH



Johar baru sahaja keluar dari pejabat Guru Besar. Dia keluar dengan membawa sa-keping sijil berhenti sekolah.

Hati-nya penoh sesal. Sesal kerana terpaksa berhenti sekolah. Dia menyesali diri-nya yang tidak mahu belajar bersungguh₂. Dia ingin lulus dalam peperiksaan, tetapi tidak mahu bertekun. Sa-lama ini dia menchuai₂kan pelajaran-nya. Masa lapang-nya di-habiskan dengan bermain₂ dan berjalan₂ ka-sana ka-mari.

Sekarang baru-lah Johar menyesal. Tetapi sesal

kemudian tidak berguna.

“Johar...” kedengaran satu panggilan dari arah belakang-nya.

Ia berpaling ka-belakang.

“O, engkau, Din.” Udin ada-lah kawan sa-darjah dengan Johar.

“Apa yang kau bawa itu, Har?” tanya Udin.

“Ini-lah...sijil berhenti sekolah.”

Johar memandang kapada Udin dengan pera-saan malu dan segan. Malu kerana Udin telah lulus dalam ujian itu, tetapi dia tidak lulus.

“Bagaimana kau boleh lulus, Din, pada hal kau dan aku sama₂ jahat, sama₂ pemalas. Kita sama₂ bermain dan sama₂ menghabiskan masa dengan ti-dak mendapat apa₂ faedah-nya.”

“Itu betul, Har,” jawab Udin. “Tapi ada satu perkara yang kau kurang pereksa.”

“Apa dia Din?”

“Bagini,” Udin mula bercherita. “Di-sekolah aku dan kau terkenal dengan jahat kita. Pendek-nya semua guru tahu tentang kejahatan kita. Kita selalu bertumbok dengan budak₂ lain, ponteng sekolah dan lain₂ lagi. Tapi walau pun aku jahat di-sekolah, tahu-kah kau apa yang aku buat di-rumah?”

Johar diam sahaja mendengar cherita Udin itu.

“Bagini, Johar,” sambong Udin lagi. “Aku dan kau sama jahat dan malas. Tetapi di-rumah aku mengisikan masa-ku dengan membacha buku₂ pela-jaran dan mengulangkaji segala pelajaran yang di-

ajarkan di-sekolah. Itu-lah sebab-nya sa-siapa pun tetap mengatakan aku tidak akan lulus dalam ujian itu. Orang tidak tahu yang aku belajar di-rumah. Bagaimana dengan hal kau?"

"Tetapi lain dengan diri aku, Din. Aku jahat di-sekolah, juga di-rumah. Pemalas di-sekolah dan pemalas di-rumah."

"Kita lupakan sahaja-lah apa yang sudah berlaku. Tetapi kita harus sedar pula. Kita mesti ingat akan kesalahan yang telah kita lakukan."

"Aku sedar sekarang, Din."

"Bagus-lah kalau kau sedar. Tetapi tidak lulus dalam peperiksaan itu bukan-lah berma'ana yang kau sudah gagal dalam hidup-mu."

"Apa-kah yang boleh aku buat dengan sijil berhenti sekolah ini?" tanya Johar. "Macham kau, senang-lah chari kerja. Kau lulus dengan sijil yang baik."

"Kau boleh buat kerja sendiri. Itu-lah salah-nya kita orang₂ Melayu. Kita sa-mata₂ mengharapkan kerja daripada kerajaan sahaja. Boleh terima gaji tiap₂ bulan. Pada hal kalau kita bekerja sendiri pun, kadang₂ boleh dapat lebeh dari itu."

"Bekerja sendiri ta' seronok-lah."

"Kalau kau mahu juga bekerja dengan kerajaan, mari bekerja bersama₂ dengan aku," Udin membuat chadangan.

"Kerja apa?" tanya Johar.

“Kita jadi askar. Dua tiga hari ini kerajaan meminta pemuda₂ untok menjadi askar supaya boleh di-hantar ka-Tawau dan sempadan Sarawak. Pemuda ada-lah harapan bangsa. Ini-lah masa-nya kita menunjukkan kesetiaan dan kesatriaan kita, Har.”

“Aku ta’ mahu-lah. Buat apa pergi ka-Tawau dan Sarawak? Menyabong nyawa? Lebih baik aku dudok di-rumah menoreh getah.”

“Kau takut mati-kah, Har?”

“Kau hendak sangat mati? Jangan₂ bila sudah pergi ka-Tawau atau sempadan Sarawak, kau tidak akan balek₂ lagi!”

“Kita hidup dalam dunia ini mesti mati, Har. Jadi, kenapa kita mesti takut pada mati? Kau tahu, bila sa-saorang perajurit itu mati, nama-nya akan dikenang orang untok sa-lama₂-nya. Mati-nya dengan nama yang mulia. Kau tahu apa kata Chairil Anwar? Kata-nya: ‘Aku mahu hidup sa-ribu tahun lagi.’ Kau tahu apa ma’ana-nya itu?”

“Ta’ tahu.”

“Kalau ta’ tahu kau chari sendiri.” Dengan tergesa₂: “Sekarang aku mahu pulang dulu.”

Sudah satu minggu Udin meninggalkan kampung halaman-nya kerana menjadi askar. Sementara itu, Johar maseh juga dudok menganggor. Buat kerja di-kampung pun malas. Sekarang, so'al yang sedang di-hadapi-nya ia-lah so'al menchari kerja. Apakah kerja yang boleh di-dapati-nya dengan sijil ber-

henti sekolah-nya itu ? So'al itu sentiasa berputar di-kepala Johar.

Dua tiga hari ini Johar sentiasa kelihatan di-kedai buku Mutu, membalek₂ surat₂ khabar dan majallah yang ada di-situ. Tujuan dia membalek₂ surat khabar itu ia-lah untok menchari kalau₂ ada i'lan kerja kosong.

Telah tiga hari Johar membalek₂kan surat khabar di-kedai itu, tetapi satu i'lan kerja kosong pun tidak dapat, yang sesuai untok-nya.

Hari yang berikut-nya, Johar pergi lagi ka-kedai itu.

“Dai, tambil...” penjaga kedai itu menegor, “apa awak selalu bacha surat khabar sini ? Kalau mahu bacha, beli-lah. Awak ingat saya ta' beli ini surat khabar-kah ?”

Johar merasa panas juga mendengar tegoran penjaga kedai itu.

“Saya chuma tengok₂ saja-lah mamak. Saya chuma tengok tempat kerja kosong saja,” jawab Johar.

“O, awak mahu chari kerja-kah ?”

“Ya-lah,” jawab Johar dengan pendek.

“Awak mahu kerja-kah ?” penjaga kedai itu bertanya lagi.

“Kerja apa ?”

“Kerja sini-lah. Tolong saya jual buku.”

Johar diam, memikirkan tawaran penjaga kedai itu.

‘Daripada ta’ dapat kerja sama sa-kali, elok aku bekerja di-sini,’ fikir Johar. ‘Kalau aku buang peluang ini, belum tentu aku akan mendapat kerja yang lebeh baik.’

“Boleh-lah,” jawab Johar. “Tetapi berapa gajinya?”

“Dua puluh ringgit.”

“Apa? Sangat sedikit-lah! Ta’ boleh lebehkah?”

“Dua puluh ringgit sudah banyak-lah. Awak punya kerja pun sangat senang. Sekarang sangat susah chari kerja, tahu? Kalau awak ta’ mahu, saya boleh chari lain orang.”

“Baik-lah mamak. Dua puluh ringgit pun jadi-lah...”